# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 32 | RABU 9HB. OGOS, 1978. | 1398 رابو 5 رمضان | PERCHUMA


# SIKAP 'BERSATU-PADU' HARUS DI-PUPOK

*DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menguchapkan terima kaseh serta penghargaan Baginda kapada semua pengerusi2 dan ahli2 jawatankuasa yang berkenaan serta pembantu2 mereka dan semua pehak yang telah menyumbangkan tenaga dan daya-usaha mengadakan berjenis2 achara sempena Ulang Tahun Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia tahun ini.*

BANDAR SERI BEGAWAN. —Raayat dan pendudok negeri ini telah di-ingatkan supaya benar2 dapat memahami akan maksud kandongan titah2 Kebawah Duli Yang Maha Mulia samada yang di-sampaikan Baginda di-Lapau mahupun di-daerah2 seluroh negeri.

Ingatan ini telah di-timbulkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid ketika bersabda di-ke-empat2 daerah di-negeri ini dalam Majlis do'a keshukoran atas sempurna-nya di-jalankan perayaan Hari Keputeraan Baginda Yang Dipertuan yang ke-32 tahun di-seluroh negeri tahun ini.

Bersabda di-majlis keshukoran di-sini pada malam Sabtu yang lalu, Yang Amat Mulia itu menarek perhatian raayat dan pendudok negeri ini terhadap apa yang di-titahkan Baginda Yang Dipertuan dalam perkara "bersatu-padu bekerja-sama ka-arah perkara2 yang berkebajikan".

Yang Amat Mulia bersabda bahawa amalan bersatu-padu dan bekerjasama ka-atas perkara2 yang berkebajikan itu ada-lah mustahak di-praktikkan oleh semua raayat di-negeri ini.

Ini ada-lah lebeh mustahak lagi, sabda-nya, ketika melaksanakan usaha2 yang di-khususkan untok melengkapan Negeri Brunei Darussalam ini dengan persediaan2 yang menchukopi pada menghadapi masa depan-nya.

Yang Amat Mulia itu mengingatkan bahawa Negeri Brunei serta raayat dan pendudok-nya sendiri akan di-kehendaki supaya bersama2 memikul bebanan serta tanggong-jawab2 sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi penoh merdeka.

Dalam majlis2 do'a keshukoran itu, Yang Amat Mulia itu, terutama-nya telah menyampaikan titah terima kaseh dan penghargaan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia kapada semua pengerusi2 dan ahli2 jawatankuasa yang berkenaan serta pembantu2 mereka dan semua pehak yang telah menyumbangkan tenaga dan daya-usaha pada mengadakan berjenis2 achara sambutan sempena ulang tahun puja usia Baginda tahun ini.



MENTERI Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan Pingat2 Kehormatan Negeri Brunei kapada 16 orang dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Dewan Majlis Bandar Seri Begawan pada hari Khamis yang lalu (gambar atas).

Sa-ramai 16 orang kebanyakan-nya terdiri dari anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menerima Pingat2 tersebut. Lapan orang daripada-nya menerima Pingat Jasa Kebaktian dan yang lain-nya menerima Pingat Indah Kerja Baik.

Turut hadhir di-Istiadat tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ketua2 Jabatan, Yang Dimuliakan Pehin2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

## Tumpukan ta'at setia yang tidak berbelah bahagi kapada D.Y.M.M.

BERAKAS. — Dalam menghadapi masa2 negara kita yang akan menchapai kedaulatan dan kemerdekaan penoh, tidak ada chorak lain yang lebeh sesuai selain daripada menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Penumpuan daya usaha demikian ada-lah perlu pada mendokong hasrat Baginda untok menjadikan Islam sa-bagai satu chara hidup yang lengkap bagi negeri kita yang terchinta ini.

Beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan pertandingan membacha Al-Kor'an bagi anggota2 Pusat Latehan AMDB di-Perkhemahan Bolkiah di-sini pada malam Selasa lalu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan telah menekankan bahawa sa-baik2 persembahan ka-hadapan majlis Baginda dalam sama2 melangkah ka-bumi merdeka itu ia-lah dengan mengamalkan chara2 hidup yang berseh.

Yang Berhormat menyatakan keyakinan-nya dan berharap supaya pemimpin2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei terutama mereka yang berugama Islam akan membawa anggota2 pasokan itu untok sama2 melangkah dengan melalui kesuchian ugama Islam.

Pertandingan yang di-adakan bagi memileh wakil Pusat Latehan ka-pertandingan perengkat antara unit2 AMDB malam itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya mensifatkan usaha tersebut sa-bagai satu2-nya yang boleh mendatangkan kesan pada mempengarohi hidup kita sa-bagai umat Islam.

"Dengan sebab itu-lah saya menchatitkan penghargaan dan tahniah kapada semua yang telah mengabdikan tenaga-nya pada menjayakan usaha yang berkebajikan ini mudah2an Allah s.w.t. akan mengorniakan keredhaan-nya atas usaha2 yang sa-demikian itu", kata Yang Berhormat sa-terus-nya.

Usaha2 tersebut, kata Yang Berhormat itu lagi, telah banyak mendatangkan kesan pada menghampirkan diri kapada ajaran2 dan petunjok2 Allah s.w.t.

Lihat muka 20

## Ketetapan bayaran zakat fitrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam Negeri Brunei telah menetapkan kadar bayaran zakat fitrah yang patut di-bayar oleh Umat Islam di-negeri ini bagi tahun Hijrah 1398.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin menyatakan bahawa kadar bayaran zakat fitrah yang patut di-bayar bagi sa-orang umat Islam ia-lah $1.87½ bagi orang2 yang tinggal di-Daerah Brunei; $1.90⅝ bagi kawasan Muara dan Daerah Tutong dan bagi kawasan Seria, Belait dan Daerah Temburong bayaran zakat fitrah ia-lah sa-banyak $1.93¾.

Yang Berhormat berkata, kadar zakat fitrah itu ada-lah menurut nilaian harga beras bagi 3 kati 12 tahil ia-itu kadar timbangan beras yang wajib di-fitrahkan.

Yang Dipertua Majlis Ugama Islam itu menyatakan bahawa menurut Mazhab Shafiee, zakat fitrah hanya sah di-keluarkan daripada makanan yang biasa di-makan pada sa-sebuah negeri itu.

"Oleh kerana makanan yang biasa di-makan di-negeri ini ia-lah beras, maka zakat fitrah ada-lah di-keluarkan dengan beras. Anggaran zakat fitrah menurut timbangan di-negeri ini ia-lah 3 kati 12 tahil bagi tiap2 sa-orang Islam".

Lihat muka 20

## Pertandingan Al-Kor'an Pasokan Pulis Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. WAN. — Pertandingan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an antara Bahagian dan Chawangan Pulis Diraja Brunei akan di-langsongkan di-Surau Pulis di-Gadong pada malam esok, 10hb Ogos.

Speaker Dewan Majlis, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar akan merasmikan pertandingan tersebut yang akan bermula jam 8.15 malam.

Pertandingan tersebut ia-lah bagi memileh wakil pasokan Pulis Diraja ka-Pertandingan Membacha Al-Kor'an Antara Pegawai2 yang Berunifom yang akan di-adakan dalam pertengahan bulan ini.

Pelita Brunei

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

9HB OGOS, 1978

# IBADAT PUASA

UMAT Islam di-Negeri Brunei, memulakan ibadat puasa pada hari Ahad lalu, dan kita sesunggoh-nya sa-kali lagi bershukor kapada Allah s.w.t. kerana meminjami umor kapada kita sekalian umat Islam pada tahun ini; sa-kali lagi kita sama2 dapat menger-jakan ibadat puasa itu dengan perasaan yang penoh khusok dan tawaduk sa-mata2 kerana Allah jua. Kita sama2 memohon semoga puasa yang sedang kita lakukan sa-bulan Ramadhan ini akan di-terima-Nya, sa-bagai suatu amalan yang akan membawa kebahagiaan hidup kita baik di-dunia dan lebeh2 lagi di-akhirat kelak.

Demi untok menjaga meruah Ugama Islam yang maha suchi itu, umat Islam di-negeri ini khusus-nya dan umat Islam di-seluroh dunia umom-nya; di-tegah melakukan perkara2 keji umpama-nya, melakukan makan-minum di-waktu siang hari di-khalayak ramai atau di-tempat2 yang terbuka dalam bulan puasa ini. Kerana perbuatan makan-minum pada waktu siang hari di-khalayak ramai atau di-tempat2 yang ter-buka itu bukan hanya merupakan suatu perbuatan keji di-sisi Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi di-Negeri Brunei ini malahan ia-nya juga suatu per-buatan yang mengaibkan serta menjatohkan meruah masharakat Islam itu sendiri di-sisi orang2 yang bukan berugama Islam.

Saperti biasa, dalam bulan puasa, kita selalu mendengar samada melalui surat khabar atau radio; ada-nya sa-bilangan orang Islam telah di-hadapkan ka-Mahkamah kerana melakukan perbuatan keji ia-itu makan-minum di-khalayak ramai atau di-tempat yang terbuka saperti yang di-maksudkan. Maka pada bulan puasa tahun ini, di-serukan kapada umat Islam supaya akan menjauhkan diri dari perbuatan yang amat keji dan memalukan ugama Islam itu.

Menyentoh dengan ibadat puasa pula, puasa ia-lah rukun Islam yang ke-empat. Ibadat puasa di-wajibkan ka-atas sa-tiap umat Islam yang wajib me-ngerjakan-nya. Maka barang siapa umat Islam yang tidak mengerjakan ibadat puasa itu; dia-lah yang akan menanggong dosa-nya; kechuali orang2 uzor atau lain2 sebab yang tidak dapat di-elakkan — itu pun wajib-lah sa-seorang Islam yang tidak dapat mengerjakan ibadat puasa itu, wajib membayar atau mengkhada-nya pada hari2 lain (sa-lepas bulan puasa). Pendak kata, tiada ada dulak-dalek dalam mengerjakan ibadat puasa itu — Nauzu billahi min-zalek!

## Lantekan Amil2

MAJLIS Ugama Islam Negeri Brunei, dengan per-kenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantek sa-ramai 143 orang Amil di-seluroh negeri untok mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1398 bersamaan tahun 1978 ini. Nama2 Amil itu ada di-siarkan dalam Pelita keluaran hari ini untok menyenangkan umat Islam di-negeri ini membayar zakat fitrah di-kawasan masing2.

Dari jumlah 143 orang Amil itu sa-ramai 104 orang Amil akan di-tugaskan mengutip zakat fitrah di-Daerah Brunei/Muara; 19 orang Amil bagi Daerah Tutong; 14 orang Amil bagi Daerah Belait dan enam orang Amil bagi Daerah Temburong.

Zakat fitrah itu boleh di-bayar mulai dari se-karang dan tidak lewat dari Imam mendirikan sem-bahyang Hari Raya Puasa. Majlis Ugama Islam Ne-geri Brunei, menyeru umat Islam di-negeri ini supaya akan membaar zakat fitrah mereka itu kapada Amil2 akan membayar zakat fitrah mereka itu kapada Amil2

## Pepereksaan City & Guilds

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan2 sedang di-buat untok mengadakan pepereksa-an City and Guilds dalam bulan Disember tahun ini. Chalon2 dari Sekolah boleh mendapatkan borang2 permo-honan daripada Pengetua2 Se-kolah Kejuruteraan Jefri Bol-kiah dan dari Ketua Jabatan Latehan Sekolah Pertukangan Vocational, Sharikat BSP Ber-had di-Seria.

Bagi chalon2 persendirian, mereka boleh-lah mendapatkan borang2 tersebut daripada Peja-bat Lembaga Pepereksaan di-Bandar Seri Begawan.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kapada Lembaga Pepereksaan tidak lewat dari 21hb Ogos, 1978.

# SENARAI HARGA KERETA DAIHATSU DAN FORD YANG DI-PERSETUJUI OLEH PENGAWAL HARGA

BERIKUT ia-lah senarai harga kereta bagi dua buah ajen penjual kereta di-negeri ini yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga, Brunei.

2. Sharikat itu ia-lah GOH HOCK KEE MOTORS yang menjual kereta jenis Daihatsu dan BEE MOTORS LIMITED yang menjual kereta jenis Ford Escort dan Ford Cortina.

## GOH HOCK KEE MOTORS

| JENIS KERETA | HARGA JUALAN (Showroom Selling Price) | HARGA JUALAN PENOH (Selling Price On The Road) |
|---|---|---|
| DAIHATSU 1200 CUSTOM Model: A 10 RKL. Radio, clock, blower and safety belts | $ 9,400.00 | $ 9,730.00 |
| DAIHATSU 1200 HI-CUSTOM Model: A 10 RKG. Radio, clock, blower and safety belts | $ 9,570.00 | $ 9,900.00 |
| DAIHATSU 1400 HI-CUSTOM Model: A 20 RKG. Radio, clock, blower and safety belts | $10,160.00 | $10,500.00 |
| DAIHATSU CHARADE 1,000 c.c. XO, Model: G 10R-GKR. Blower and front safety belts | $ 8,281.00 | $ 8,620.00 |
| DAIHATSU CHARADE 1,000 c.c. XG Model: G 10R-GKD. Radio, blower and front safety belts | $ 8,661.00 | $ 9,000.00 |
| NEW DAIHATSU JEEP 1600 c.c. Model: F 20LK | $13,350.00 | $13,876.50 |
| NEW DAIHATSU JEEP HARD-TOP 1,600 c.c. Model: F 20V | $14,023.50 | $14,550.00 |
| DAIHATSU TRUCK 1,994 c.c. (Mover on Petrol) Model: V 34—T | $14,735.00 | $15,350.00 |
| DAIHATSU TRUCK 1,994 c.c. (Mover on Petrol) Model: V 32—H | $16,813.00 | $17,429.00 |
| DAIHATSU TRUCK 2,530 c.c. (Mover on Diesel) Model: V 22—H | $19,095.00 | $19,780.00 |

## BEE MOTORS LIMITED

| | | |
|---|---|---|
| FORD CORTINA Model: 1.6 GL Estate Car Tropicool Air-Conditioning, radio and cassette player, front safety seat belts | $14,950.00 | $15,428.00 |
| FORD CORTINA Model: 1.6 GL Tropicool Air-Conditioning, radio and cassette player, front safety seat belts | $15,538.00 | $16,016.00 |
| FORD CORTINA Model: 2.0 GHIA Tropicool Air-Conditioning, radio and cassette player, front safety seat belts | $17,240.00 | $17,779.00 |
| FORD ESCORT Model: 1.3 GL Tropicool Air-Conditioning, radio and cassette player, front safety seat belts | $12,747.00 | $13,150.00 |
| FORD ESCORT Model: 1.6 GHIA Tropicool Air-Conditioning, radio and cassette player, front safety seat belts | $14,775.00 | $15,236.00 |

Orang ramai boleh-lah melihat jadual harga2 kereta yang telah di-persetujui, yang telah di-chap dan di-tanda tangani oleh pehak berkuasa Pengawal Harga. Mana2 jadual harga kereta yang di-tunjokkan tidak mempunyai chap dan tanda tangan dari pehak berkuasa Pengawal Harga, ada-lah tidak sah. Dan orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerja-sama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan talipon number 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 ajen kereta yang telah menyalah guna-kan jadual harga kereta yang telah di-tetapkan itu.



# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini ber-mula pada 3hb Ogos, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. KACHANG HIJAU — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan;
   b) Ming Thai Co., No. 32, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan.
2. SAGO HALUS — 50 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu, Bandar Seri Begawan;
   b) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan;
   c) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.
3. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan;
   b) Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur, Bandar Seri Begawan.

**KUALA BELAIT**

1. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty,
   b) Ho Yun, No. 30-B, Jalan Sungai,
   c) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty,
2. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Soon Seng & Co., No. 32, Jalan Pretty,
   b) Eng Soong Seng, No. 58, Jalan Pretty,
   c) Kok Kee, No. 60, Jalan Pretty, Kuala Belait;
   d) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perda-gangan China, Kuala Belait.
3. ASAM GELUGOR — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: — S. S. Sa'adiah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa, Kuala Belait.

**SERIA:**

1. KACHANG HIJAU — 85 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: — Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
2. SAGO HALUS — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali,
   b) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali,
   c) Hui Guan, No. 48-B, Jalan Bunga Kuning, Seria;
   d) Soon Kheng, No. 50-B, Jalan Bungai Kuning, Seria;
   e) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning, Seria;
   f) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga, Seria;
   g) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kenanga, Seria.
3. ASAM GELUGOR — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: — A. Muhammed, No. 66, Jalan Bunga Kenanga, Seria.

## Pesta Tamu Ria di-Pantai Seri Kenangan

TUTONG. — Pesta Tamu Ria ia-itu salah satu achara pe-rayaan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 bagi Daerah Tutong telah di-adakan di-Pantai Seri Kena-ngan di-sini Ahad lalu 30hb Julai yang lalu.

Pesta yang juga menjadi achara tahunan dan di-usaha-kan oleh Ahli2 Jawatankuasa Sambutan Perayaan bagi dae-rah itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pengarah Per-jawatan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd Taib.

Di-antara achara menarek yang di-adakan pada hari itu termasok-lah persembahan Ta-rian Kebudayaan Asli saperti Alai Bubu, Anding dan sa-ba-gai-nya.

Berbagai achara peraduan juga di-adakan yang antara-nya ia-lah peraduan menutok padi, main kikek, lumba ker-bau, meniang pokok pinang, menganyam ketupat (gambar atas) dan lain2 lagi.

Pesta yang bermula pada sebelah pagi itu telah di-akhiri dengan persembahan pemen-tasan 'Pesta Ria' oleh Radio Talivishen Brunei pada sebe-lah malam-nya.





# 34 ORANG LAGI REKRUT MENAMATKAN LATEHAN

YANG Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman dengan di-iringi oleh Pegawai Pemerentah Perbarisan ASP Adenan bin Umar sedang memereksa barisan rekrut2 yang telah menamatkan latehan pada hari Khamis yang lalu, manakala gambar kiri kelihatan Yang Berhormat itu sedang menyampaikan 'Belantan' kapada rekrut terbaik dalam semua jurusan, Rekrut 262 Abu Bakar bin Piut.

JALAN MUARA. — Sa-ramai 34 orang lagi rekrut Pulis Diraja Brunei telah menamatkan latehan mereka dari Pusat Latehan Pulis di-Jalan Muara. Rekrut dari skuad yang pertama bagi tahun 1978 itu telah memulakan latehan mereka sejak 6hb Februari yang lalu.

Pengerusi Surohanjaya Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman telah mendapat penghormatan untok memereksa dan membalas tabek kehormatan di-upachara yang di-langsong di-Pusat Latehan Pulis itu. Yang Berhormat itu juga telah menyampaikan sijil2 kapada rekrut2 yang terbaik sa-masa menjalani latehan.

Sa-masa menjalani latehan, rekrut2 telah di-berikan latehan lengkap dalam jurusan undang2 dan tugas2 am pulis. Di-samping itu mereka juga di-berikan pelajaran2 tambahan sa-perti pertolongan chemas, bernang menyelamat jiwa dan latehan judo.

Rekrut 262 Abu Bakar bin Piut telah di-pileh sa-bagai rekrut terbaik dalam semua jurusan; rekrut 1553 Jarudin bin Abdullah terbaik dalam Undang2 dan Pekerjaan Pulis sementara Rekrut 99 Yusof bin Haji Ahmad telah di-pileh sa-bagai terbaik dalam kawad, kawad rusohan, latehan senjata dan latehan jasmani.

# Pelukis perakam zaman-nya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Ketua Yunit Peranchang, Kajian dan Bimbingan mensifatkan pelukis2 dan pengukir2 seni ada-lah merupakan perakam zaman-nya.

Ini kata-nya, kerana seni-lukis ada-lah satu alat untok pelukis dapat menchurahkan perasaan-nya, menjadi alat untok mentafsirkan kehidupan yang sedang di-alami dan media untok merakam aktibiti2 manusia.

Beruchap sa-bagai wakil Pengarah Pelajaran di-pembukaan rasmi Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan bagi sekolah2 dan maktab2 seluroh negeri pada Ahad, 30hb Julai lalu, Awang Haji Abu Bakar berkata, menerusi seni-lukis ini-lah nanti jenerasi akan datang akan dapat menyelami dan memahami sosio-budaya kita hari ini.

Kerana itu, Awang Haji Abu Bakar berharap ada-lah penting bagi pelukis2 menyampaikan message seni mereka supaya ia-nya benar2 dapat menggambarkan riak-suasana masa ini dan akan datang yang di-fikirkan.

Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan itu telah di-rasmikan oleh Datin Hajjah Zaharah, Ketua Pegawai Kebajikan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 dan di-langsongkan di-Bilek Pameran DBP di-sini.

Awang Haji Abu Bakar berkata, pameran itu ada-lah bertujuan untok menjadi satu saloran mengeluarkan dan mendedahkan bakat2 penuntut2 dan murid2 dalam gelanggan seni.

"Ia berfungsi sa-bagai satu catalyst yang karya mereka ada-lah berhak untok di-dedahkan kapada orang ramai dan menjadi motavasi untok penuntut2 dan murid2 untok lebeh bergiat di-dalam lapangan ini", kata-nya.

Menyebut pelajaran seni-lukis dan pertukangan-tangan sa-bagai sa-bahagian dari karikulum di-sekolah, Awang Haji Abu Bakar berkata, ia-nya bukan sahaja sa-bagai satu mata pelajaran untok di-pelajari atau bahan untok mengisi masa lapang, tetapi pelajaran tersebut ada-lah juga berfungsi untok mengasoh nilai2 kerohanian di-mana penuntut2 dan murid2 berpeluang untok menekmati alam natural yang di-korniakan Tohan.

# Sokan Ria Pelajar2 Dewasa dapat sambutan

SERIA. — Temasha Sokan Ria bagi Pelajar2 Kelas Dewasa Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria telah di-adakan di-Padang sekolah tersebut pada 1hb Ogos yang lalu.

Sa-ramai 250 orang pelajar dewasa wanita telah mengambil bahagian dalam 19 achara sokan yang di-pertandingkan pada hari itu.

Ketua Yunit Peranchang Kajian dan Bimbingan, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong telah merasmikan sokan tersebut manakala Isteri Pegawai Daerah Belait, Datin Naemah bte Haji Razali telah menyampaikan hadiah2 di-akhir temasha itu.

Temasha sokan ria itu ada-lah julong2 kali-nya di-anjorkan dan telah mendapat sambutan hangat dari kalangan kaum wanita. Sokan tersebut di-anjorkan oleh Penyelia Kelas Dewasa dan guru2 Dewasa Sekolah Melayu Muhammad Alam Seria.

# Temu-duga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Bomba Brunei akan berada di-beberapa buah Balai Bomba di-seluroh negeri bulan ini untok menemu-duga pemuda2 yang berminat untok berkhidmat dengan pasokan tersebut. Temu-duga itu akan bermula di-Balai Bomba di-Bandar Seri Begawan pada 16hb ini.

Pemohon2 mesti-lah raayat Brunei, berumor antara 18 dan 28 tahun, sekurang2-nya lima kaki empat inchi tinggi dan pernah menuntut dalam Tingkatan Satu Melayu atau Inggeris.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 16hb Ogos, 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 9.8.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 pagi |
| Sekolah Melayu Serasa | 9.8.1978 | Rabu | 10.00–10.30 „ |
| Sekolah Melayu Mentiri | 9.8.1978 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 9.8.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T/hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 10.8.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 10.8.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 „ |
| Kawasan Mesjid, Kampong Sengkurong | 12.8.1978 | Sabtu | 2.00– 3.00 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas | 12.8.1978 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 12.8.1978 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Sungai Hanching | 14.8.1978 | Isnin | 3.00– 4.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 14.8.1978 | Isnin | 4.30– 5.30 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 15.8.1978 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 15.8.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 16.8.1978 | Rabu | 8.30– 9.30 „ |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 16.8.1978 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 16.8.1978 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |



Gambar atas menunjokkan peserta2 ketika menyertai achara memijak belon sampai pechah.



THE Director of Museums, PM. Sharifuddin, looks on as the Mentri Besar (right) explains something to the General Adviser. In the background can be seen among others the British High Commissioner (behind the General Adviser).

# EXHIBITION COMMEMORATES CORONATION

KOTA BATU.—A special exhibition in commemoration of the tenth anniversary of the coronation of His Highness the Sultan is now being held at the Brunei Museum here.

On display are the royal regalias used during the coronation.

The one-month exhibition, organised by the museum, held its preview on August 1, which was attended by the British High Commissioner Mr. James Davidson, the YTB General Adviser, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, the Mentri Besar YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, the Speaker YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar and other senior government officials.

The exhibition is open to the public daily except Mondays from 9.00 a.m. to 5.00 p.m.

Colourful books costing $10.00 a copy are on sale at the exhibition.

## Over $200,000 spent on coronation items on Aug. 1

BANDAR SERI BEGAWAN. — Members of the public spent more than two hundred thousand dollars on gold coins, stamps, first day covers, souvenir sheets, and books specially issued to commemorate the tenth anniversary of His Highness the Sultan's coronation last Tuesday August 1.

The $1,000.00 gold coins are sold at $1,400.00 each and are available from the Currency Board Office, State Secretariat here.

The stamps are being sold at all post offices in the State and are in the denominations of ten, twenty and seventy-five cents.

The books published by the Brunei Shell Petroleum Company are available at $30.00 each from the company's Marketing Office here and at the Panaga Club in Seria.

## FASTING MONTH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Officials from the Religious Affairs Department and the Survey Department were at vantage points — Bukit Tabor Bintang in Berakas, Lorong Tujoh in Seria and Birup Bukit Tabor in Tutong—to look for the new moon of Ramadhan last Friday to determine the start of fasting.

As the new moon was not sighted that evening, fasting for Muslims throughout the State began on Sunday and Monday was public holiday in Brunei.

Working hours in Government Departments throughout the country during the fasting month on Mondays, Tuesdays, Wednesdays, Thursdays and Saturdays are 8.00 a.m. to 12.15 p.m. and 1.15 p.m. to 4.00 p.m.

For daily-paid workers, the working hours are as usual except they report for duties in the morning half an hour later than their normal time.

## Season parking place

BANDAR SERI BEGAWAN. — Vehicle owners and drivers are reminded not to park their vehicles in season parking places which are not leased to them.

The authorities say that Rule 3 (3) of the Municipal Board Parking Rules 1972 provides that "no person shall park any motor vehicle in any season parking place except under and in accordance with the terms of a season parking ticket issued by the Board in respect of such motor vehicle".

They say of late there have been numerous infringements against this rule.

For the period January to June this year, ninety-three cases of such infringements were brought to court.

## Special course

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Jefri Bolkiah School of Engineering in Kuala Belait is inviting applications from Brunei citizens for a nine-month course commencing next month leading to the City and Guilds 827 Refrigeration 11 (Commercial and Industrial Refrigeration and Air-Conditioning) Certificate.

Applicants must have passed the City and Guilds 827 Refrigeration and Air-Conditioning Part 1 examination.

Those interested in joining the course should attend for interview at the Education Department Head Office here on Saturday 19th August at 2.15 p.m.

They must bring with them their City and Guilds Certificates and identity cards.

## BES wins tennis tourney

JALAN BERAKAS.—The Berakas English School emerged champions in both boys an girls sections of the inter-school tennis tournament after beating the Sixth Form Centre in the finals held at the school tennis court here last week.

The tournament was organised for the second time by the Berakas English School Tennis Circle in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations.

Ten teams from five schools took part in the tournament which was officially opened by the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Awang Haji Hussein on June 30.

The President of the Brunei Tennis Club, Mr. T. Butcher, presented the prizes to the champions and runners up.



THE champions and runners up with their prizes after the finals.

## Art and handicraft exhibition

BANDAR SERI BEGAWAN. — The thirteenth annual state level Primary and Secondary Schools art and handicraft exhibition was held at the Language and Literature Bureau exhibition room here last week.

It was declared open by the Chief Welfare Officer, Datin Hajjah Zahrah binte Haji Idris, who also presented the prizes to the winners. Selected schools in each district entered some three hundred items for the exhibition which was organised by the Education Department.

The exhibition was divided into four sections. In the Junior Malay Schools section, Malay schools from Tutong Division One was first; Malay Schools from Temburong second and Malay schools from Brunei Division Two third.

The Primary English Schools section was won by English Prep Schools from the Brunei Muara and Temburong districts and the second prize went to the English Prep Schools from the Tutong and Belait districts.

In the Junior Secondary Schools section, first was the Bendahara Sakam Secondary School Bunut; second was SMJA School and third was the SOAS College Junior.

The SOAS College Senior was first in the Senior Secondary Schools section while second and third places were won by the Perdana Wazir English School and the Berakas English School respectively.

The exhibition will remain open to the public until tomorrow from eight thirty in the morning to eight thirty in the evening.

## Bicycle race

BANDAR SERI BEGAWAN. — Eighty-eight cyclists from the Brunei Muara, Tutong and Belait districts last week took part in the seventy-mile Kuala Belait to Bandar Seri Begawan race.

The race was organised by the Brunei Amateur Cycling Association in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations.

The winner in the indidual section was Lin Nyit Khiong from Seria, who covered the distance in three hours, twenty-one minutes and twenty-four seconds with last year's champion, Brian Hatton, from Kuala Belait trailing a close second with a time of three hours, twenty-one minutes and thirty-six point two seconds.

Third was Awang Sulaiman bin Mohammad Salleh from Seria.

The Chandrawaseh, Rose Pawana and Mewastra teams, all from the Brunei Muara District, were first, second and third respectively in the group section.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin presented the prizes to the winners.



SOME of the teachers with the trophies their schools won at the exhibition. From right to left: Muktal Saat (Junior Malay schools Temburong); Abd. Rahman Haji Karim (Junior Malay schools Brunei Two); Mohammad Haji Yassin, Assistant Organiser of Music; Tuah Ahmad (Perdana Wazir English School) and Pengiran Metassan Pengiran Haji Zainal (SMJA School).

# BERSHUKOR MENAMBAH NEKMAT YANG ADA

SEKALI lagi mengenai Ramadhan. Dalam bulan Ramadhan kita di-wajibkan berpuasa. Dalam bulan ini kita berlapar, sedang sebenar-nya kita tidak ingin berlapar. Dalam bulan ini kita menahan nafsu, sedang sebenar-nya kita manusia mudah memaniakan-nya, melayani kehendak nafsu itu.

Dalam hal ini, ada-lah benar saperti kata orang cherdik pandai, bahawa apabila sesuatu itu tidak biasa di-buat, maka kita akan menganggap-nya terlalu berat. Kita ambil satu mithalan, umpama-nya sembahyang, suatu ibadat yang rengkas, boleh di-sempurnakan hanya dalam masa lima enam minit sahaja, tetapi kapada orang2 yang tidak membiasakan diri melakukan-nya, perkara itu boleh menjadi berat kapada-nya. Maka demikian juga dengan lain2 kewajipan saperti mengeluarkan zakat, hanya sesuatu yang ringan untok di-kerjakan, hanya sebahagian yang sangat kechil sahaja daripada jumlah harta yang bertimbun2 atau yang chukop nisab, tetapi itu pun maseh kita pandang berat dan sukar melakukan-nya. Demikian juga Haji, berbelanja dan mengalami kesukaran sekali sa-umor hidup, kita merasa berat, pada hal perjalanan itu kaarah tujuan yang mulia, yang afdhal lagi utama dari kita melanchong biasa ka-tempat2 lain.

Itu-lah kita manusia, merasa berat bila menghadapi perkara2 ibadat, tetapi dalam pada itu, kita sangat rakus dan mahukan seberapa banyak rezeki dan nekmat, tetapi hati sangat liat untok berbuat bakti dan ta'at. Ini-lah hakikat kita manusia, kita rakus kapada nekmat, tetapi lokek atau kedekut untok bershukor. Pada hal shukor itu bukan mengurangi, bahkan sebalek-nya menambah lagi nekmat yang ada. Firman Allah Ta'ala yang bermaksud:

*"Kalau kamu bershukor, neschaya Aku akan memberikan lebeh banyak lagi dan jika sebalek-nya, sesunggoh-nya azab Ku adalah amat keras".*

Sa-bagai hamba Allah yang senantiasa ingin mendapat perlindongan serta keredhaan-Nya, dengan ikhlas lagi sabar. Bulan Ramadhan, tidak shak lagi merupakan bulan ujian kapada kita umat Islam, disamping hikmat-nya juga untok menanamkan kesedaran kapada kita tentang betapa keadaan orang2 miskin dan fakir yang tidak chukop makan, yang kadang2 dapat makan dan kadang2 tidak. Ibadat puasa mengajar orang bersabar, mendidek jiwa supaya tegoh, bertimbang rasa dan pandai bershukor. Oleh itu, mari-lah berpuasa, sama2 kita menghormati bulan yang mulia ini dengan ibadat yang ikhlas kapada Allah, bertaraweh, membacha Al-Kor'an dan banyak mengingat Allah dengan zikir, dan kemudian sa-telah genap sabulan, kita akan memasoki bulan Shawal dengan riang gembira berhari raya, InshaAllah.




# Kursus sembahyang mayat

LEBEH dari 100 orang telah hadhir di-majlis Penutop Kursus Sembahyang Mayat bagi pendudok2 Kampong Kiarong yang di-adakan di-Sekolah Melayu Kiarong, pada 28hb Julai 1978.

Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awg Abd Hamid bin Hj Ismail telah menyampaikan uchapan dan merasmikan penutop kursus tersebut. Manakala Awg Hj Abd Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan telah menyampaikan sharahan khas mengenai Isra' dan Me'raj Nabi Muhammad s.a.w.

Awg Mohd Hassan bin Hj Ahim Ketua Kampong Kiarong, selaku pengerusi majlis itu juga telah menyampaikan uchapan alu2an-nya. Persembahan bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an telah di-sampaikan oleh Dayang Salamah bte Abdullah.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama itu telah di-adakan sa-lama tiga kali Juma'at sejak 26hb Jun, lalu. Ia-nya di-sertai oleh 56 orang laki2 dan 40 orang perempuan terdiri dari pendudok2 Kampong Kiarong.

# Kemewahan menghanchurkan manusia

SEJARAH manusia dari Nabi Adam hingga kapada masa ini telah membokti-kan bahawa hawa nafsu yang tidak terkawal adalah merbahaya dan telah menghanchurkan manusia. Hawa nafsu itu yang terlebeh nyata akibat-nya ia-lah dalam hal keliaran jentina manusia dan biasanya terjadi di-kalangan muda-mudi.

Oleh kerana mengikut kehendak liar itu maka masharakat boleh kucharkachir, ibu-bapa, saudara mara mendapat malu.

Ada-kah perasaan malu itu tidak berharga? Ada-kah perasaan malu dan segan itu sudah menjadi bahan lapok yang patut dimasokkan dalam Muzium di-zaman kita sekarang ini?

Ada-kah oleh kerana kemajuan sains dan teknoloji maka perasaan malu dan segan dan kehormatan diri itu sudah tiada patut di-pelihara?

Perasaan malu dan memelihara kehormatan diri itu ada-lah harga diri. jikalau tidak, maka manusia itu tidak jauh dari haiwan, ia tidak segan melakukan hubongan jenis di-khalayak ramai, kerana haiwan tidak berakal dan tidak berperasaan malu.

Akibat2 burok dari tidak terkawal-nya keliaran hawa nafsu itu tidak datang dengan sekejap tapi ia datang dengan chara perlahan. Oleh kerana perlahan2 itu maka ia-tidak di-rasa, apa lagi sesudah ada rasa "nyanyat" atau "ketagehan". Ini-lah yang menjadikan manusia lalai dan tiba2 akan berhadapan dengan kesudahan2 yang memeranjatkan.

Penyakit yang kedua yang di-sebutkan dalam ayat2 yang di-bachakan itu ia-lah kemewahan. Kemewahan hidup berkuasa membentuk dan menchorakkan hidup manusia dengan chara dan bentuk yang berbagai2. Tetapi kemewahan juga mempunyai bahaya2 yang sangat menakutkan.

Sejarah manusia telah diboktikan dalam Al-Kor'an bahawa manusia banyak runtoh oleh sebab kemewahan, bukan saja sejarah asing, bahkan sejarah Islam telah terang2 menuliskan betapa Kerajaan2 Umaiyah, Abbasiah, Kerajaan2 Kechil Islam di-Afrika dan Eropah runtoh di-sebabkan oleh menurut hawa nafsu dan kemewahan. Dalam lintasan sejarah ini nampak kapada kita bahawa yang menjadi punchа keruntuhan ia-lah orang2 yang mewah atau ingin menjadi mewah tanpa batasan yang di-hadkan oleh Allah. Allah berfirman dalam Suratul Isra ayat 16 dan 17:

*"Dan apabila Kami menghendaki akan membinasakan suatu negeri maka Kami perentahkan orang2 mewah didalam negeri itu lalu mereka membuat kerja2 kejahatan, maka sudah benar-lah patut berlaku demikian, maka Kami hanchorkan negeri itu sehanchor2-nya. Dan berapa banyak Kami binasakan turunan2 manusia yang dahulu selepas Nabi Nuh, dan Tuhan mu chukop mengetahui dan melihat dosa hamba2-nya".*

(BERSAMBONG)

SAMBONGAN petikan sharahan khas Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di-Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Sa-Negeri 1398/1978.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari, terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Ogos, 1978 hingga ka-hari Selasa 15hb Ogos, 1978 ada-lah saperti dibawah ini :—**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 10hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.39 | 7.50 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 11hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 12hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 13hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 14hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 15hb Ogos | 12.29 | 3.47 | 6.38 | 7.49 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# Berkata benar jalan ka-Shurga

**Bingkisan minggu ini**

BERKATA benar ada-lah suatu sikap yang sangat terpuji dan patut di-mileki, kerana dengan-nya orang akan sentiasa perchaya kapada diri kita. Kata orang tua2 kita "kalau kerbau di-pegang pada talinya tetapi manusia di-pegang pada kata-nya". Dari itu-lah kita sa-mesti-nya beringat-ingat dan waspada pada mengeluarkan kata2, agar ia akan sentiasa mengeluarkan kata2 yang benar sahaja.

Kalau-lah kita mengatakan sesuatu yang tidak benar, maka orang akan mengatakan kita sa-bagai pendusta. Mereka ini tidak lagi akan menaroh keperchayaan pada diri kita, walaupun itu-lah pertama kali-nya kita berdusta.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang di-riwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bermaksud kira2: *"Hendak-lah kamu berkata benar, kerana berkata benar itu membawa kapada kebaikan dan kebaikan itu membawa ka-shurga. Demikian-lah bilamana sentiasa sa-seorang membiasakan berkata benar dan chendrong kapada berkata benar, akhir-nya orang itu di-chatet di-sisi Allah sa-bagai orang yang selalu benar. Dan jauhi-lah berkata dusta kerana dusta itu membawa kapada kejahatan, dan kejahatan itu membawa kaneraka. Demikian-lah bilamana sa-seorang membiasakan berdusta, dan selalu chendrong berdusta, akhir-nya ia di-chatet di-sisi Allah sa-bagai orang yang sangat pendusta".*

Dalam sa-buah hadith yang lain pula, yang telah di-riwayatkan oleh Ahmad, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud kira2:

*"Berjanji-lah kapada ku bahawa kamu akan mengerjakan enam perkara ini, neschaya aku jamin kamu masok shurga:—*

*1. Berkata-lah yang benar,*
*2. Tepati-lah apabila kamu berjanji,*
*3. Tunaikan apabila di-amanati orang,*
*4. Jaga-lah kehormatan mu,*
*5. Tundokkan-lah pandangmu (terhadap wanita), dan*
*6. Hentikan lanchang tangan mu (jangan suka memukol orang).*

Kedua-dua hadith ini menggambarkan kapada kita dengan amat jelas-nya bahawa kita di-suroh berkata benar dan jangan sekali2 berdusta, kerana dengan berkata benar kita akan terjamin untok menuju ka-shurga. Lain hal-nya pula kalau kita berkata dusta, kerana berkata dusta ada-lah jalan perintis untok menuju ka-suatu tempat yang bernama neraka.

Walaupun berdusta ini adakala-nya di-haruskan kerana memandangkan keselamatan diri sendiri dan juga Ugama, tapi ia ada-lah amat jarang terjadi ketika ini. Yang selalu terjadi ia-lah dusta kerana hendak mempermain-mainkan orang lain dengan sesuatu dasar dan tujuan yang tidak baik.

Ada-pun orang yang berkata dusta ini ada-lah tanda orang munafiq. Tentu-nya kita tidak mahu untok di- "kategorikan" ka-dalam golongan orang2 munafiq ini. Jadi sa-belum kita terjatoh ka-dalam golongan ini, maka sa-patut-nyalah kita mengambil langkah yang positif dengan mengelakkan diri dari berkata dusta, kerana berkata dusta ada-lah satu chara untok kita mendekatkan diri kapada munafiq. Biasakan-lah dengan berkata benar, dengan itu nanti orang akan penoh hormat dan menaroh seribu satu keperchayaan kapada diri kita tanpa perasaan yang bimbang, ragu dan waswas.

Kalau kita sudah biasa dengan berkata benar, maka orang lain juga akan mengatakan sesuatu yang benar kapada diri kita. Begitu juga sebaleknya, kalau kita pernah berdusta kapada orang lain, tidak mustahil orang yang lain pula akan mendustai diri kita.

Jadi, katakan-lah akan sesuatu itu dengan sa-benar-nya tanpa berselindong dan dusta walaupun terasa berat untok kita memperkatakan-nya. Untok itu kita renongkan sajenak apa yang telah di-sabdakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah Hadith yang telah di-riwayatkan oleh Ibnu Hibban yang bermaksud kira2: *"Katakan-lah yang sa-benarnya (haq) walau pahit sekali pun".*

# Memelok ugama Islam

SA-RAMAI empat orang saudara baru telah melangsongkan majlis pengIslaman mereka dibeberapa tempat yang berasingan di-sepanjang akhir bulan lepas di-Daerah Brunei dan Muara.

Berumor 22 tahun, Tambah bin Laman dari puak Dusun dari Kampong Bukit, Ulu Tutong telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd. Hisham bin Abdullah.

Sementara Simpon anak Ason berumor 26 tahun berasal dari puak Iban, dari Kampong Batang Duri, Ulu Temburong telah juga memileh nama Islam-nya sa-bagai Mohd. Mustapha bin Abdullah. Kedua2-nya telah melangsongkan majlis tersebut di-rumah Awg Yusmalek bin Abun di-Jalan Dato Ibrahim, Bandar Seri Begawan.

Dalam majlis yang sama bertempat di-rumah Awg Hj Abdullah bin Pehin Datu Perdana Manteri Awg Hj Abdul Halim di-Kampong Sungai Kedayan, Namok bin Tingkah berumor 22 tahun telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Hadde Razaiman bin Abdullah. Dia berasal dari puak Dusun Kampong Sungai Damit Pemadang, Tutong.

Manakala bagi Gagah bin Yuyok berumor 21 tahun juga dari puak Dusun, majlis pengIslaman-nya telah di-langsongkan di-Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei dengan memileh nama Islam sa-bagai Mohd. Jeffery bin Abdullah.

# Pameran Seni-lukis dan Pertukangan-tangan sa-negeri



PENYELIA Sekolah2 Melayu Daerah Belait, Pengiran Besar bin Pengiran Haji Ahmad (kiri) bergambar bersama oskar bagi SPI Daerah Tutong dan Belait yang memenangi tempat kedua dan (kanan) Penyelia Sekolah2 Melayu Tutong dengan oskar yang di-menangi di-tempat pertama bagi Sekolah2 Rendah Melayu.



GAMBAR atas Datin Hajjah Zaharah berserta Awang Haji Abu Bakar dan Awang Zaini Abdul Hamid (membelakang kamera) ketika menyaksikan sa-bahagian dari pameran.




BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 500 buah hasil kerja-tangan dan lukisan dari murid2 dan penuntut2 sekolah2 rendah, persediaan Inggeris dan menengah serta maktab seluroh negeri telah di-pamerkan dalam Peraduan Seni-Lukis dan Pertukangan-tangan kali ketiga belas.

Pameran tersebut yang di-anjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran ada-lah merupakan sa-bagai satu acha-ra bagi menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-32 tahun.

Pameran yang di-adakan di-Bilek Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka itu telah di-rasmikan oleh Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan.

Turut beruchap di-majlis pada pagi Ahad, 30hb Julai itu ia-lah Awg Hj Abu Bakar bin Hj Apong, Ketua Unit Peranchang, Kajian dan Bimbingan, Jabatan Pelajaran selaku wakil Pengarah Pelajaran.

Satu pertunjokan chara2 melukis telah juga di-adakan dalam pameran tersebut yang turut di-serikan lagi dengan persembahan pancharagam dari Pasokan Pancharagam Maktab SOAS (J).

Dalam pameran lukisan dan kerja-tangan bagi Sekolah2 Menengah Atas, Maktab SOAS (S) telah merebut kejohanan pameran tahun ini di-samping Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait di-tempat kedua dan Sekolah Inggeris Berakas di-tempat ketiga.

Bagi Sekolah2 Menengah Bawah, johan di-sandang oleh SMM Bendahara Sakam Bunut, tempat kedua. Sekolah Menengah SMJA dan tempat ketiga Maktab SOAS (J).

Sekolah Persediaan Inggeris Daerah Brunei Muara dan Temburong telah johan bagi Sekolah2 Persediaan Inggeris dan naib johan ia-lah Sekolah2 Persediaan Inggeris Daerah Tutong dan Belait.

Manakala Sekolah2 Rendah Melayu, johan di-rebut oleh Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Tutong I, tempat kedua, Sekolah2 Rendah Melayu Daerah Temburong dan tempat ketiga Sekolah2 Rendah Melayu Brunei II.



MENYAKSIKAN pameran (gambar atas) manakala gambar bawah pertunjokan chara2 melukis sedang di-saksikan.

# Tarian Asli Brunei

DALAM satu lagi kegiatan tahunan Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran tahun ini sempena menyambut Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-32 tahun ia-lah Peraduan Tarian Asli Brunei bagi Sekolah2 Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris kali yang ke-empat.

Peraduan tersebut telah di-langsongkan di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada malam Sabtu, 29hb Julai lepas dan di-rasmikan oleh Yang Berhormat Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Peguam Negara Brunei.

Sa-banyak 16 buah sekolah rendah dan persediaan Inggeris seluroh negeri telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.



GAMBAR atas, Dayang Masnah ketika menyampaikan oskar kejohanan Peraduan Tarian Asli Brunei Sekolah2 Rendah dan Persediaan Inggeris kapada pasokan tarian Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil. Gambar bawah pasokan johan tarian ketika membawakan tarian Dang Mengalai.

Johan bagi peraduan malam itu telah di-sandang oleh Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Bandar Seri Begawan, tempat kedua dari Sekolah Persediaan Inggeris Amar Pahlawan dan tempat ketiga Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Penyampaian hadiah bagi pemenang telah di-lakukan oleh Dayang Masnah bte Hj Tuah, isteri kapada Pengarah Pelajaran Brunei.






# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

MAJLIS Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantek 143 orang Amil untok mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun Hijrah 1398.

Dari jumlah itu sa-ramai 104 orang akan di-tugaskan mengutip zakat fitrah di-Daerah Brunei dan Muara; 19 orang Amil di-Daerah Tutong; 14 orang di-Daerah Belait dan enam orang di-Daerah Temburong.

Sa-orang juruchakap Majlis Ugama Islam Negeri Brunei menyeru umat Islam di-negeri ini supaya membayar zakat fitrah mereka kapada Amil2 yang telah di-lantek di-kawasan masing2.

Kata-nya, zakat fitrah boleh di-bayar mulai dari sekarang dan tidak lewat dari Imam mendirikan sembahyang Hari Raya.

## SENARAI NAMA2 AMIL SELUROH NEGERI BRUNEI BAGI TAHUN, 1398/1978 BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN

| BIL: | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Bandar Seri Begawan "A"**<br>a) Kawasan Bolkiah Kem dan sekitar-nya (yang bukan ter-diri daripada anggota Askar Melayu Di-Raja dan Ke-luarga mereka)<br>b) Kawasan Istana Edanbiragh<br>c) Kawasan Jalan Peraya'an<br>d) Kawasan Jalan Bahagia<br>e) Kawasan Jalan Rakis<br>f) Kawasan Jalan Merdeka<br>g) Kawasan Jalan Talepok | Pehin Si-Raja Khatib Dato' Paduka Awang Haji Mohd. Yussof bin Pehin OK Perdana Wangsa Haji Mohammad | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 2. | **Bandar Seri Begawan "B"**<br>a) Kawasan Jalan Melabau<br>b) Kawasan Jalan Melabau Baru<br>c) Kawasan Jalan Temanggong<br>d) Kawasan Jalan Tapak Kuda<br>e) Kawasan dari Sport Club simpang Jalan Gadong hingga Jambatan Gadong | Pehin Tuan Imam Dato' Setia Awang Haji Tamin bin Abd. Hamid | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 3. | **Bandar Seri Begawan "C"**<br>a) Kawasan Simpang Jalan Gadong (Station Minyak)<br>b) Kawasan Jalan Senuai<br>c) Kawasan Jalan Kumbang Pasang<br>d) Kawasan Jalan Ong Sum Ping | Pehin Udana Khatib Awang Haji Juned bin Jamuddin | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 4. | **Bandar Seri Begawan "D"**<br>a) Kawasan Kampong Mebohai<br>b) Kawasan Jalan Sekolah<br>c) Kawasan Jalan Dato' Marsal<br>d) Kawasan W/Shop | Mudim Awang Siraj bin Abdullah | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 5. | **Bandar Seri Begawan "E"**<br>a) Kawasan Jalan Tasek hingga Ang Hotel<br>b) Kawasan Jalan Tasek Lama<br>c) Kawasan Jalan Lintang dan<br>d) Kawasan Jalan Simpang Sekolah | Begawan Mudim Haji Metus-sin bin Safar | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 6. | **Bandar Seri Begawan "F"**<br>a) Kawasan Pusar Ulak<br>b) Kawasan Jalan Tongkadeh hingga Simpang Jalan Tutong<br>c) Kawasan Jalan Simpang (sebelah Kiri)<br>d) Kawasan Jalan Padang<br>e) Kawasan Jalan Dato' Taib<br>f) Kawasan Jalan Dato' Isa | Mudim Haji Mohd. Yassin bin Awang Damit | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 7. | **Bandar Seri Begawan "G"**<br>a) Kawasan Jalan Stony<br>b) Kawasan Jalan Dato' Ibrahim<br>c) Kawasan Madarsah<br>d) Kawasan Barrek Hospital | Pehin Khatib Haji Abd. Hamid bin Metassan | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 8. | **Bandar Seri Begawan "H"**<br>a) Kawasan Kg. Sumbiling Lama<br>b) Kawasan Jalan Istana Darussalam dan<br>c) Kawasan Balai Bomba sa-keliling-nya | Begawan Pehin Khatib Haji Mohd. Yussof bin Abdul Latif | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 9. | **Bandar Seri Begawan "I"**<br>a) Kawasan Kg. Kianggeh<br>b) Kawasan Kedai2 BSB<br>c) Kawasan Jalan Residency | Mudim Awang Haji Wahid bin Awang Haji Besar | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin |
| 10. | **Bandar Seri Begawan "J"**<br>a) Kawasan Jalan Maharaja Laila<br>b) Kawasan Simpang Istana hingga ka-Batu 4 Jalan Tutong<br>c) Kampong Telanai dan<br>d) Kampong Medewa | Pehin Khatib Dato' Paduka Awang Haji Mohd. Said bin Awang Tengah | Di-Masjid, Omar Ali Saifuddin dan di-rumah Amil |
| 11. | **Bandar Seri Begawan "K"**<br>a) Kawasan Istana Darulhana dan sa-keliling-nya<br>b) Kawasan Kg. Bandong<br>c) Kawasan Polis Permanent Escort | Pehin O.K. Perbandahara'an Di-Raja Dato' Seri Setia Awang Haji Ali Hussin bin Pehin Khatib Mohammad | Di-Surau Istana |
| 12. | **Bandar Seri Begawan "L"**<br>Kawasan Kampong Sumbiling Baru dan sa-hingga sa-belum Jalan Maharaja Laila Batu 1½ Jalan Tutong, BSB | Pengiran Puteh bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |

## BAHAGIAN KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI/MUARA, BAGI TAHUN 1398/1978

| BIL: | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kampong Sultan Lama | Awang Haji Omar bin Awang Duah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 2. | Kampong Pengiran Bendahara Lama | *Awang Tumar bin Lingga (Kaki Tangan Pejabat Tanah) | Di-Rumah Amil |
| 3. | Kampong Pengiran Pemancha Lama | Pengiran Ibrahim bin Pengi-ran Ahmad (Kaki Tangan JHEU) | Di-Rumah Amil |
| 4. | Kampong Pengiran Setia Negara | Pengiran Haji Damit bin Pe-ngiran Ahmad (Ketua Kam-pong) | Di-Rumah Amil |
| 5. | Kampong Bakut Pengiran Si-Raja Muda "A" | Pengiran Haji Othman bin Pengiran Metassan (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 6. | Kampong Bakut Pengiran Si-Raja Muda "B" | Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Tejuddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 7. | Kampong Pengiran Kerma Indra Lama | Pengiran Mahmud bin Pengi-ran Maidin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 8. | Kampong Pengiran Tajuddin Hitam | Awang Shahbuddin bin Awang Muara (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 9. | Kampong Bukit Salat | Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Abd. Rahman (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 10. | Kampong Ujong Bukit | Awang Mohd. Noor bin Awang Md. Yussof (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 11. | Kampong Limbongan | Awang Mohd Noor bin Pehin Khatib Abd. Razak (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 12. | Kampong Sungai Kedayan "A" | *Awang Ahmad bin Jeludin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 13. | Kampong Sungai Kedayan "B" | Awang Haji Abd. Aziz bin Awang Ahmad (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 14. | Kampong Ujong Tanjong | Awang Abu Bakar bin Pehin O.K. Seri Wangsa Haji Abd. Hamid (Kaki Tangan JHEU) | Di-Rumah Amil |
| 15. | Kampong Kuala Sg. Peminyak | Pengiran Kalong bin Pengiran Ismail (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 16. | Kampong Temoi Tengah | Pengarah Haji Metussin bin Haji Abdullah (Penghulu Mu-kim) | Di-Rumah Amil |
| 17. | Kampong Temoi Hujong | Awang Mokti bin Mohd. Salleh (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 18. | a) Kampong Burong Pinggai Ayer<br>b) Kampong Sengkirap | Pengarah Haji Othman bin Abd. Kadir (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 19. | Kampong Lurong Dalam | Awang Haji Abu Bakar bin Hashim (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 20. | Kampong Sungai Pandan "A" | *Awang Abdullah Sunny bin Haji Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 21. | Kampong Sungai Pandan "B" | Pengiran Sharifuddin bin Pe-ngiran Ahmad (Ketua Kam-pong) | Di-Rumah Amil |
| 22. | Kampong Pandai Besi "A" | Awang Haji Momin bin Awang Besar (Ketua Kam-pong) | Di-Rumah Amil |
| 23. | Kampong Pandai Besi "B" | Awang Ismail bin Awang Ja'afar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 24. | Kampong Pekan Lama, Laut dan Darat | Pengiran Metassan bin Pengi-ran Damit (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 25. | Kampong Bakut Berumput | Pengiran Othman bin Pengi-ran Damit (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 26. | Kampong Lurong Sekuna | Awang Haji Samat bin Awang Ibrahim (Ketua Kam-pong) | Di-Rumah Amil |
| 27. | Kampong Saba Tengah | Awang Ibrahim bin Awang Besar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 28. | Kampong Saba Laut | Awang Haji Masri bin Awang Raub (Ketua Kam-pong) | Di-Rumah Amil |
| 29. | Kampong Saba Hujong | Che'gu Haji Abd. Hamid bin Haji Perali (Ketua Kam-pong) | Di-Rumah Amil |
| 30. | Kampong Saba Darat "A" | Awang Haji Ahmad bin Pateh Haji Tengah (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 31. | Kampong Saba Darat "B" | Pengarah Omarali bin Pateh Haji Tengah (Guru Jabatan Pelajaran) | Di-Rumah Amil |
| 32. | Kampong Pekilong Muara | Awang Damit bin Awang Merali (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 33. | Kampong Setia Pahlawan | Awang Haji Abd. Rahman bin Awang Abdullah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 34. | Kampong Peramu | Awang Haji Ismit bin Penga-rah Mukim Haji Naim (Peng-hulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 35. | Kampong Ujong Kelinik | Awang Mohd Salleh bin Awang Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |

(BERSAMBONG DI-MUKA 8)

# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

(SAMBONGAN DARI MUKA 7)

| BIL : | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 36. | Kampong Sungai Kebun | Awang Haji Ludin bin Awang Gapar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 37. | Kampong Setia Darat | Pateh Awang Haji Masri bin Ismail (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 38. | Kampong Setia Laut | Pengarah Haji Jair bin Awang Ja'afar | Di-Rumah Amil |

Peringatan : *Amil2 yang baharu di-lantek.

## KAWASAN PENDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI/MUARA BAGI TAHUN, 1398/1978

| BIL : | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | **Pulau Baru-Baru**<br>Kampong Pulau Baru-Baru | Awang Mohammad bin Awang Menuddin (Imam Masjid Kg. Pulau Baru2) | Di-Masjid Kg. Pulau Baru2 |
| 2. | **Pulau Berbunut**<br>Kampong Pulau Berbunut | *Awang Haji Abd. Hamib bin Mat Rais (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 3. | **Pudak**<br>a) Kampong Pudak<br>b) Kampong Tg. Kindana | Awang Mohd Yassin bin Awang Idris (Bilal Masjid Kampong Pudak) | Di-Masjid Kg. Pudak |
| 4. | **Serdang**<br>a) Kampong Serdang<br>b) Kampong Sungai Belukut | Pengarah Haji Mohd Zain bin Tajuddin (Imam Masjid Kampong Pudak) | Di-Rumah Amil |
| 5. | **Sungai Matan**<br>Kampong Sungai Matan | Awang Damit bin Awang Menudin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 6. | **Dato Gandi**<br>Kampong Dato Gandi | Awang Abu Bakar bin Mohd Salleh (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 7. | **Pelambayan** | Awang Ibrahim bin Haji Tersad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 8. | **Kota Batu**<br>Kampong Kota Batu | Pengarah Haji Jalil bin Awang Abdullah (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 9. | **Pintu Malim**<br>Kampong Pintu Malim<br>Kampong Sungai Lampai | Awang Haji Tengah bin Awang Hashim (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 10. | **Subok**<br>a) Kampong Subok<br>b) Kampong Belimbing | Awang Haji Kamis bin Awang Tangkim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 11. | **Menunggol**<br>a) Kampong Menunggol<br>b) Kampong Riong | Awang Ja'afar bin Awang Kassim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 12. | **Kasat "A"**<br>a) Kampong Kasat<br>b) Kampong Buang Sakar | Awang Kamis bin Awang Haji Tersad (Imam Masjid Kampong Kasat) | Di-Masjid Kg. Kasat |
| 13. | **Kasat "B"**<br>a) Kampong Putat<br>b) Kampong Baong | Awang Haji Karim bin Awang Othman (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 14. | **Lumapas**<br>a) Kampong Lumapas<br>b) Kampong Penchor<br>c) Kampong Kilugus | Awang Haji Kamis bin OKK. Haji Tahir (Imam Masjid Kampong Lumapas) | Di-Masjid Kg. Lumapas |
| 15. | **Lupak Luas**<br>a) Kampong Lupak Luas<br>b) Kampong Tarap Bau | Awang Mohd Hashim bin Haji Ja'afar @ Md. Zain (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 16. | **Limau Manis**<br>a) Kampong Limau Manis<br>b) Kampong Kuala Lurah<br>c) Kampong Batang Perhantian<br>d) Kampong Bukit<br>e) Kampong Wasan | Ampuan Haji Tengah bin Ampuan Md. Daud (Imam Masjid Kampong Limau Manis) | Di-Masjid Kg. Limau Manis |
| 17. | **Pengkalan Batu**<br>a) Kampong Pengkalan Batu<br>b) Kampong Parit<br>c) Kampong Batu Ampar | Awang Haji Metali bin Awang Sudin (Imam Masjid Kampong Pengkalan Batu) | Di-Masjid Kg. Pengkalan Batu |
| 18. | **Masin**<br>a) Kampong Masin<br>b) Kampong Bebatek | Awang Jumat bin Awang Haji Nayan (Imam Masjid Kampong Masin) | Di-Masjid Kg. Masin |
| 19. | **Panchor Murai**<br>a) Kampong Panchor Murai<br>b) Kampong Batong<br>c) Kampong Imang | Awang Haji Jumat bin Haji Murah (Imam Masjid Kampong Panchor Murai) | Di-Masjid Kg. Panchor Murai |
| 20. | **Kilanas**<br>a) Kampong Kilanas<br>b) Kampong Jengsak<br>c) Kampong Tanjong Bunut | Awang Gafar bin Awang Ghani (Imam Masjid Kampong Kilanas) | Di-Masjid Kg. Kilanas |
| 21. | **Tasek Meradun**<br>Kampong Tasek Meradun | Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar (Kaki Tangan Jabatan Perpindahan) | Di-Rumah Amil |
| 22. | **Bengkurong**<br>a) Kampong Bengkurong<br>b) Kampong Burong Lepas<br>c) Kampong Sinarubai | Awang Haji Chuchu bin Awang Haji Nayan (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 23. | **Junjongan**<br>Kampong Junjongan | Awang Haji Kamis bin Awang Metali (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 24. | **Bunut**<br>Kampong Bunut Batu 5<br>Jalan Tutong | Pemangku Imam Masjid Kampong Bunut | Di-Masjid Kg. Bunut |
| 25. | **Sengkurong**<br>a) Kampong Jalan Mulaut<br>b) Kampong Sengkurong "A"<br>c) Kampong Sengkurong "B"<br>d) Kampong Pasai<br>e) Kampong Selayun<br>f) Kampong Tagap<br>g) Kampong Sungai Tampoi<br>h) Kampong Tanjong Nangka<br>i) Kampong Mulaut | a) Awang Baha bin Awang Abd. Karim (Imam Masjid Kampong Sengkurong)<br>b) Che'gu Haji Mohd. Salleh bin Mukibat (Pemangku Bilal Masjid Kg. Sengkurong) | Di-Masjid Kg. Sengkurong |
| 26. | **Kati Mahar**<br>a) Kampong Kati Mahar<br>b) Kampong Kulapis<br>c) Kampong Lugu | *Awang Adi bin Awang Haji Kahar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 27. | **Jerudong**<br>Kampong Jerudong | Pengiran Haji Jamaluddin bin Pengiran Bahar (Imam Masjid Kg. Jerudong) | Di-Masjid Kg. Jerudong |
| 28. | **Kiulap**<br>Kampong Kiulap | Awang Mohammad bin Awang Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 29. | **Muara "A"**<br>a) Kampong Sabun<br>b) Kampong Serasa<br>c) Kampong Kapok | Awang Haji Abd. Aziz bin Awang Haji Mahmud (Imam Masjid Setia Ali) | Di-Masjid Setia Ali Pekan Muara |
| 30. | **Muara "B"**<br>a) Kawasan Tanjong Pelumpong<br>b) Kawasan Pekan Muara<br>c) Kampong Masjid Lama<br>d) Kawasan Balai Polis Muara<br>e) Kawasan Balai Bomba Muara | Awang Tuah bin Mohd. Yussof (Khatib Masjid Setia Ali) | Di-Masjid Setia Ali Pekan Muara |
| 31. | **Muara "C"**<br>Kampong Batu Marang | Pengiran Abd Samad bin Pengiran Abu Bakar (Imam Masjid Kg. Batu Marang) | Di-Masjid Kg. Batu Marang |
| 32. | **Mentiri**<br>a) Kampong Mentiri<br>b) Kampong Sungai Buloh | Awang Diwa bin Awang Rabaha (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 33. | **Sungai Besar**<br>Kampong Sungai Besar | Awang Haji Mohiddin bin Awang Tabib (Imam Masjid Kampong Sungai Besar) | Di-Masjid Kg. Sungai Besar |
| 34. | **Tanah Jambu**<br>a) Kampong Tanah Jambu<br>b) Kampong Salar | *Awang Ismail bin Md. Daud (Imam Masjid Kg. Tanah Jambu) | Di-Masjid Kg. Tanah Jambu |
| 35. | **Sungai Hanching "A"**<br>a) Kampong Sungai Hanching<br>b) Kampong Salambigar<br>c) Kampong Sungai Tilong | *Awang Hashim bin Awang Ahmad (Imam Masjid Sg. Hanching) | Di-Masjid Sungai Hanching |
| 36. | **Sungai Hanching "B"**<br>a) Kampong Manggis<br>b) Kampong Sungai Akar<br>c) Kampong Madang<br>d) Kawasan Pusat Latehan Polis Jalan Muara | *Awang Haji Nasir bin Tarif (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 37. | **Berakas Kem dan Bolkiah Kem**<br>Kawasan Askar Melayu Di-Raja Brunei (Untok Askar Melayu Di-Raja dan keluarga mereka) | Begawan Mudim Dato Haji Adanan bin Datu Imam Haji Mokti | Di-Surau Askar Melayu Di-Raja Brunei |
| 38. | **Berakas "A"**<br>a) Kampong Perpindahan Terunjing<br>b) Kampong Lambak | Awang Haji Juna bin Abd. Kahar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 39. | **Berakas "B"**<br>Kampong Lambak batu 5<br>Jalan Pasir Berakas | Awang Haji Hanafiah bin Awang Abdullah | Di-Rumah Amil |
| 40. | **Berakas "C"**<br>Kampong Serusop dan Termasok Kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | Che'gu Awang Jambol bin Awang Mohd. Daud (Guru Ugama) | Di-Rumah Amil |
| 41. | **Perpindahan Berakas "A"**<br>a) Kampong Jaya Bakti<br>b) Kampong Jaya Setia<br>c) Kampong Burong Pinggai Berakas | a) Begawan Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abd. Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Ja'afar.<br>b) Awang Haji Ibrahim bin Awang Othman (Imam Masjid Sufri Bolkiah) | Di-Masjid Sufri Bolkiah Berakas |
| 42. | **Perpindahan Berakas "B"**<br>Kampong Delima Satu<br>Pengiran Si-Raja Muda | Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |

Peringatan : *Amil2 yang baharu di-lantek.

(BERSAMBONG DI-MUKA 13)

# INTISARI RTB

## ARENA SOKAN MINGGU INI

RANCHANGAN Arena Sokan minggu ini, Awda akan dapat menyaksikan perlawanan akhir Kejohanan Bolasepak tujoh sapasokan dan perlumbaan basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan.

Ranchangan ini akan dapat Awda ikuti pada hari Isnin, 14hb Ogos, 1978 jam 9.00 malam.

# SIRI BARU UN



Pencherita . . . . Ak. Sulaiman bin Pg. Metali.

"SAYA tidak bernama. Saya merasa
kampong sambil bercherita. Kebany
Brunei yang di-cheritakan oleh nenek say
di-sampaikan kapada-nya oleh nenek-nya
sesiapa yang sudi mendengar-nya dan y
Dan kapada semua kanak2 yang berhimp
dan di-lain waktu untok mendengarkan c
panggilan yang mudah sekali ia-itu "Si-P

Dan sekarang saya merasa sangat g
adek2 untok bersama2 saya dan mereka
tiap minggu ketika saya berpindah dari te
mithal-nya, ada sa-buah kesah yang bert
ingati dengan tidak semena2 sa-waktu sa
muda yang bersaudara; dan ada pula sa
yang di-timpa kebakaran. Dan terdapa
"Si-Penemberang" yang di-ilhamkan oleh p
yang sedang berkelahi untok menentukan
ada lagi kesah ini ............................tet
Boleh jadi adek2 dapat mengingati sendi
pastikan-lah adek2 menonton pada sa-tia
mana saya memulakan '......... AL-KESA

## The Incredible Hulk sudah tiba

"............ untok menjadikan watak hero dari saorang gergasi" — begitulah chabaran yang dihadapi oleh Stan Lee, penchipta Marvel Comics, 15 tahun yang lampau. Chara untok menyelesaikan masaalah ini ia-lah dengan menchipta "The Incredible Hulk", ia-itu manusia berupa binatang yang amat ganjil, tinggi-nya hampir2 7 kaki dengan kekuatan tenaga yang luar biasa.

The Incredible Hulk sebenar-nya ada-lah merupakan alter-ego ahli saintis David Banner di-mana ketika menjalankan pengkajian-nya mengenai kekuatan2 yang meng'ajaibkan yang di-perolehi ketika menghadapi waktu2 yang tegang oleh beberapa orang yang menerima sinaran2 gamma (gamma rays) yang banyak. Ia tidak merasa apa2 kesan yang merosakkan, tetapi tatkala ia kehilangan sabar pertama kali-nya, dada-nya pun mengembang, otot2-nya membengkak dan kemeja-nya tercharek2 dan David Banner yang lemah lembut bertukar menjadi ......The Hulk. Apabila perasaan marah-nya reda, ia berubah semula kapada asal-nya sebagai ahli saintis kajian yang serious.

The Hulk ada-lah pelakun kelasik dalam sastera buku komik. Siri baru RTB ini akan di-mulakan pada hari Ahad 13hb Ogos jam 7.15 malam, dengan membawa para penonton menyaksikan watak buku komik dan di-ubah sa-bagai pelakun yang bernyawa. Bagaimana-kah menghidupkan watak hero-gergasi untok di-jadikan hero yang bernyawa? Jawapan yang di-dapati oleh penerbit2 ia-lah dengan mengambil Lou Ferrigno untok memegang peranan ini kerana beliau telah memenangi gelaran2 dalam pertandingan2 Mr. America, Mr. Universe dan Mr. World. Beliau memegang peranan Hulk dengan amat berkesan sekali.

Sa-tiap zaman memerlukan dongeng hikayat-nya sendiri. The Incredible Hulk ada-lah sa-bahagian dari dongeng hikayat Abad ka-20. Ia-nya merupakan sa-buah cherita yang agak berlainan bagi talivishen. Pastikan-lah awda menonton-nya nanti.

## BAHAS '78

UNTOK menggantikan ranchangan TV Majlis Perbinchangan, sa-buah ranchangan baru Bahas '78 akan dapat di-saksikan pada 9hb Ogos 1978 ini. Ranchangan tersebut di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran ada-lah peringkat sa-paroh akhir.

Untok mengetahui sekolah2 dan maktab mana-kah yang berjaya melayakkan diri ka-peringkat akhir nanti, sama2-lah kita mengikuti ranchangan tersebut yang khas-nya untok tuntonan pelajar2 di-seluroh tanah ayer.



Menjelajah dari kan

## Sokan Komanwel bermula minggu ini

AHLI2 sokan dari lebeh 40 buah negara, terdapat 12 jenis sokan, pertandingan yang berjalan sa-lama sembilan hari — begitu-lah ranchangan yang terkandong dalam Sokan Komanwel yang di-mulakan di-Edmonton, Kanada minggu ini.

RTB akan menayangkan achara2 kemunchak yang di-pertandingkan pada tiap2 hari Rabu dan Sabtu sa-lama dua minggu. Laporan pertama dari Edmonton akan di-tayangkan pada malam ini (Rabu, 9hb Ogos) jam 10.20 malam.

## LAPORAN PASAR







GAMBAR muka hadapan siri komik Marvel, David Bruce Banner (kiri) dan pertukaran daripada Hulk kapada Bruce Banner sa-chara tiba2 (atas).

# NAMA2 AMIL DAN TEMPAT2 MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

(SAMBONGAN DARI MUKA 8)

| BIL : | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 43. | Perpindahan Berakas "C"<br>a) Kampong Pancha Delima<br>b) Kawasan Balai Polis Lapangan Terbang dan sa-keliling-nya | *Awang Haji Ya'akub bin Haji Metali (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 44. | Anggerek Desa<br>a) Kampong Anggerek Desa<br>b) Kampong Pulaie | Pengiran Yahya bin Pengiran Hashim (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 45. | O.K. Besar Imas<br>Kampong Orang Kaya Besar Imas | Awang Mohammad bin Haji Jamuddin (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 46. | Gadong "A"<br>a) Kampong Pengkalan Gadong<br>b) Barrek Letrik | Pengiran Haji Mohd. Daud bin Pengiran Haji Abdul Rahman | Di-Rumah Amil |
| 47. | Gadong "B"<br>a) Kampong Gadong Estate<br>b) Kampong Rimba | Awang Amit bin Haji Bungsu (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 48. | Gadong "C"<br>Kawasan Ibu Pejabat Polis Di-Raja Gadong dan Kawasan Pasokan Polis Simpanan-nya | Sgt. 2 Pengiran Ali bin Pengiran Bustamam | Di-Surau Polis Gadong |
| 49. | Gadong "D"<br>a) Kampong Tungku<br>b) Kampong Katok | Awang Alim bin Ja'afar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 50. | Gadong "E"<br>Kampong Mata2 | Awang Haji Beruddin bin Abu Bakar (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 51. | Gadong "F"<br>Kampong Beribi | Awang Haji Sukor bin Haji Pakar (Penghulu Mukim) | Di-Rumah Amil |
| 52. | Gadong "G"<br>Kampong Kiarong | *Awang Hassan bin Haji Ahim (Kaki Tangan JHEU) | Di-Rumah Amil |

**Peringatan :** *Amil2 yang baharu di-lantek.

## SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN, BAGI DAERAH TUTONG TAHUN, 1398/1978

| BIL : | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kawasan Barat Masjid Hassanal Bolkiah<br>a) Kawasan Kuala Tutong<br>b) Kampong Sengkarai<br>c) Kampong Petani<br>d) Kawasan Bukit Bendera dan Sungai Basong | Awang Johari bin Abd. Hamid (Imam Masjid Hassanal Bolkiah) | Di-Masjid Hassanal Bolkiah |
| 2. | Kawasan Timor Masjid Hassanal Bolkiah<br>a) Kampong Suran<br>b) Kampong Panchor Dulit<br>c) Kampong Panchor Papan<br>d) Kampong Rambai | *Awang Abu Bakar bin Awang Ya'akub (Pemangku Bilal) | Di-Masjid Hassanal Bolkiah |
| 3. | Mukim Masjid Kg. Penanjong | Awang Abdul Wahab bin Haji Othman (Imam Masjid Kampong Penanjong) | Di-Masjid Kg. Penanjong |
| 4. | Mukim Masjid Kg. Senaut | Awang Judin bin Mohd Yussof (Imam Masjid Kg. Senaut) | Di-Masjid Kg. Senaut |
| 5. | Mukim Masjid Kg. Keriam | Awang Ahmad bin Awang Jumat (Imam Masjid Kg. Keriam) | Di-Masjid Kg. Keriam |
| 6. | Mukim Masjid Kg. Kupang | Awang Bohari bin Awang Kemat (Imam Masjid Kg. Kupang) | Di-Masjid Kg. Kupang |
| 7. | Mukim Masjid Kg. Birau | Awang Abd. Rahman bin Awang Serudin (Imam Masjid Kg. Birau) | Di-Masjid Kg. Birau |
| 8. | Mukim Masjid Kg. Lamunin | Awang Ahmad bin Awang Hussin (Imam Masjid Kg. Lamunin) | Di-Masjid Kg. Lamunin |
| 9. | Mukim Masjid Kg. Layong | Awang Haji Abd. Manaf bin Awang Haji Lahid (Imam Masjid Kampong Layong) | Di-Masjid Kg. Layong |
| 10. | Mukim Masjid Kg. Kiudang | Awang Othman bin Awang Talipuddin (Imam Masjid Kampong Kiudang) | Di-Masjid Kg. Kiudang |
| 11. | Mukim Masjid Kg. Tanjong Maya | Awang Subohi bin Awang Abd. Kadir (Imam Masjid Kg. Tanjong Maya) | Di-Masjid Kg. Tanjong Maya |
| 12. | Mukim Masjid Kampong Tumpuan Telisai | Awang Sabtu bin Abu Bakar (Imam Masjid Tumpuan Telisai) | Di-Masjid Kg. Tumpuan Telisai |
| 13. | Mukim Masjid Kg. Danau | Awang Abd. Wahab bin Imam Daud (Imam Masjid Kg. Danau) | Di-Masjid Kg. Danau |
| 14. | Mukim Masjid Kg. Penapar | Pengiran Mumin bin Pengiran Sulaiman (Imam Masjid Kampong Penapar) | Di-Masjid Kg. Penapar |
| 15. | Mukim Masjid Kg. Menengah dan Kg. Bukit Sulang | Awang Ali bin Awang Jambul (Imam Masjid Kampong Menengah) | Di-Masjid Kg. Menengah |
| 16. | Mukim Masjid Kampong Bukit Beruang | Awang Johari bin Abu Bakar (Imam Masjid Kg. Bukit Beruang) | Di-Masjid Kg. Bukit Beruang |
| 17. | Kawasan Kampong Bekiau | Awang Abd Ghani bin Abd Razak (Kaki Tangan Pejabat Daerah Tutong) | Di-Rumah Amil |
| 18. | Kawasan Kg. Bukit Panggal | Awang Haji Momin bin Awang Asmad (Ketua Kampong) | Di-Rumah Amil |
| 19. | Batalion Ke-2 — Askar Melayu Di-Raja Tutong | Capt. Pengiran Haji Jaluddin bin Pengiran Mustafa | Di-Surau Batalion Ke-2 — Askar Melayu Di-Raja Tutong |

**Peringatan :** *Amil2 yang baharu di-lantek.

## SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN BANDAR DAN PENDALAMAN DAERAH TEMBURONG BAGI TAHUN, 1398/1978

| BIL : | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Kawasan Bangar "A"<br>a) Kawasan Pekan Bangar<br>b) Kampong Tanjong Seri Belayang<br>c) Kampong Puni<br>d) Kampong Batang Tuau<br>e) Kampong Hujong Jalan | Awang Alikhan bin Ismail (Imam Masjid Utama Mohd Salleh) | Di-Masjid Utama Mohd. Salleh |
| 2. | Kawasan Bangar "B"<br>a) Kawasan Pekan Bangar Baru<br>b) Kampong Menengah<br>c) Kampong Gadong<br>d) Kampong Semamang | Pengiran Metassan bin Pengiran Mohd. Salleh (Bilal Masjid Utama Mohd. Salleh) | Di-Masjid Utama Mohd. Salleh |
| 3. | Kawasan Kampong Selangan<br>a) Kampong Selangan<br>b) Kampong Belaban Baru<br>c) Kampong Belingus<br>d) Kampong Si-Bulu<br>e) Kampong Sibut | Awang Abd. Kadir bin PDPD Haji Abd. Rahim (Imam Masjid Kampong Selanggan) | Di-Masjid Kampong Selangan |
| 4. | Mukim Masjid Batu Apoi | Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Sulaiman (Imam Masjid Kampong Batu Apoi) | Di-Masjid Kampong Batu Apoi |
| 5. | Mukim Masjid Bukok | Awang Haji Sabtu bin Abd. Ghani (Imam Masjid Kampong Bukok) | Di-Masjid Kampong Bukok |
| 6. | Mukim Masjid Labu Estate | Awang Ahmad bin Tengah (Imam Masjid Labu Estate) | Di-Masjid Kampong Labu Estate |

## SENARAI NAMA2 AMIL KAWASAN PEKAN DAN PENDALAMAN, DAERAH BELAIT BAGI TAHUN 1398/1978

| BIL : | KAWASAN | NAMA2 AMIL | T/MEMBAYAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Dari Round-About (Batu 4) Kuala Belait hingga ka-Sungai Tujoh, Kuala Belait. | a) Awang Zainal bin Idris (Imam Masjid Mohd. Jamalul Alam, K. Belait) | Di-Masjid Mohd. Jamalul Alam, K. Belait. |
| | | b) Awang Shafiee bin Omar Inche (Bilal Masjid Mohd Jamalul Alam, K. Belait) | – do – |
| | | *c) Che'gu Abd. Rahman bin Piah (Guru Ugama). | – do – |
| | | *b) Che'gu Osman bin Haji Abdullah (Guru Ugama) | – do – |
| 2. | Dari Sungai Anduki hingga ka-Lorong 3, Seria. | a) Awang Haji Md. Yusof bin Munjil (Imam Masjid Pekan Seria). | Di-Masjid Pekan Seria. |
| | | *b) Che'gu Mahmud bin Yaacob (Guru Ugama). | – do – |
| 3. | Dari Lorong 4 Seria hingga ka-Round-About (Batu 4) Kuala Belait. | a) Awang Jafar bin Ibrahim (Bilal Masjid Pekan Seria) | – do – |
| | | *b) Che'gu Haji Abd Malek bin Haji Abdul Razak (Guru Ugama ) | – do – |
| 4. | Mukim Sungai Liang, Belait | a) Pmk. Imam Masjid Kg. Sg. Liang. | Di-Masjid Kg. Sg. Liang, Belait. |
| | | b) Penghulu Abdul Wahid bin Haji Abdul Wahab. | – do – |
| 5. | Mukim Labi, Ulu Belait. | a) Imam Mat Shah bin Nuruddin (Imam Masjid Kampong Labi) | Masjid Mukim Labi. |
| | | b) Awang Haji Ahmad bin Metassim | – do – |
| 6. | Mukim Bukit Sawat, Ulu Belait. | Awang Ali bin Othman (Imam Masjid Kampong Sg. Ubar, Bukit Sawat, Ulu Belait) | Di-Masjid Kg. Sg. Ubar Bukit Sawat. |
| 7. | Mukim Kuala Balai, Ulu Belait. | Awang Shafiee bin Liwen, (Ketua Kampong Kuala Balai, Ulu Belait). | Di-Rumah Amil |

**Peringatan :** *Amil2 yang baharu di-lantek.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

# OLEH2 DARI PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ. ABD AZIZ JUNED

SABELUM menulis tentang isi2 persidangan, saya bawa dulu para pembacha melihat2 suasana awal dalam masa ahli2 perwakilan sampai di-lapangan terbang Karachi, Pakistan. Hari itu hari Rabu, 30hb Rejab, 1398 bersamaan 5hb Julai, 1978, kira2 jam 6.15 pagi waktu Karachi, kapal terbang yang kami naiki sampai di-lapangan terbang Karachi. Bersama2 selain perwakilan Brunei, ia-lah juga perwakilan daripada negara2 lain.

Mula2 yang nampak kapada saya sedang menuju ka-kapal kami, ia-lah kumpolan orang ramai kira2 20 hingga 30 orang, yang berpakaian lengkap chara Barat di-samping sa-orang dua berpakaian chara Saudi. Dan di-belakang tidak jauh dari situ, di-bangunan lapangan terbang, bergantong poster2 kain yang bertulis besar2 dalam tiga tulisan: Arab, Inggeris dan Urdu. Di-rentang panjang2 di-atas kain warna hijau. Sunggoh jelas tulisan itu nampak kapada saya saperti FIRST ISLAMIC CONFERENCE dan beberapa yang bertulis dalam tulisan Arab saperti:

أهلاً وسهلاً ومرحباً.

واعتصموا بحبل الله جميعاً ولا تفرقوا

**MULAI keluaran minggu ini PELITA BRUNEI, inshaallah berpeluang menyiarkan siri pertama ruangan OLEH2 DARI PERSIDANGAN ISLAM YANG PERTAMA yang telah berlangsong di-Karachi, Pakistan yang di-tulis oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, siapa yang telah menghadhiri persidangan tersebut bersama dengan YDM. Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei pada awal Julai yang baru lalu.**

**Mudah2an dengan tersiar-nya ruangan ini, maka kita umat Islam di-negeri ini akan memperolehi sedikit sebanyak pengetahuan dan garis2 panduan daripada-nya. Kerana itu dengan kemurahan dan kerjasama dari penulis, Awang Haji Abdul Aziz Juned, kita do'akan mudah2an Allah s.w.t. akan melimpahkan rahmat dan hidayat-Nya kapada beliau kerana perkara berkebajikan ini, dan Sidang Pengarang tidak lupa menguchapkan terima kaseh. — PENGARANG.**

## PERASAAN MUHIBBAH

Melihat tulisan2 itu, faham-lah kami bahawa orang ramai yang sedang berada di-bawah itu ia-lah mereka yang berkenaan dengan Persidang Islam Asia Yang Pertama. Dan daripada maksud tulisan2 itu juga menggambarkan perasaan. Perasaan yang tidak boleh di-nilai menurut ukoran benda. Itu-lah dia perasaan muhibbah suatu umat yang di-ikat dan di-jalin oleh ugamanya. Perasaan Muslimin yang mesra, yang mengajak kapada bersatu-padu sambil berpegang tegoh pada tali Allah (Ugama Allah). Maka atas asas dan perasaan ini-lah kita tidak ragu, tidak takut dan tidak ada dukachita. Kita berani tampil melangkah dan maju dengan tawakkal, dengan Bismillah.

Sebaik2 sahaja turun tangga kapal terbang, ahli2 perwakilan di-sambut dengan hangat. Tangan berpaut erat sambil mulut menguchapkan salam: Assalamu 'Alaikum dengan tidak putus2, lepas sa-orang ka-seorang. Dan ada pula yang tidak pada sekadar uchapan itu, tapi mengiringi-nya dengan rangkulan ala Saudi saperti lazim kita lihat masa menyambut orang2 haji yang baru pulang ka-tanah ayer. Maka lantaran itu, kita saperti tidak merasa asing lagi di-bumi yang baru saja kita pijak ini, "Pakistan Bumi Islam." Demikian sa-patah kata Setiausaha Agong Rabetah Al-'Alam Al-Islami, Al-Sheikh Ali Al-Harakan, ketika beruchap sewaktu pembukaan persidangan.

Kami ahli2 perwakilan terus di-pandu ka-VIP Room di-lapangan terbang Karachi, dengan kawalan Askar dan Pulis. Saya sempat bertanya kapada salah sa-orang di-situ yang menyambut kami, "Mengapa mesti begini?" Jawapan yang saya terima, kerana Negara Pakistan sangat2 menghormati tetamu2-nya yang Muslim, di-samping bertanggongjawab penoh atas keselamatan tetamu2-nya itu. Kata-nya lagi menambah: "Kita tidak dapat menduga siapa2 yang menjadi musoh Islam". Saya menjawab-nya: "Allah melindongi kita semua".

Di-VIP Room, Talivishen dan orang2 surat khabar sebok mengambil gambar. Kami tidak payah lagi mengurus passport dan juga barang2 kami. Semua-nya di-uruskan oleh pemandu2 yang memang di-tugaskan untok mengurus hal ehwal para perwakilan. Kami perwakilan dari Brunei mendapat sa-orang pemandu bangsa Pakistan, 'Ubaidullah, nama-nya. Dia sa-orang muda lepasan Universiti dan berjawatan sa-bagai akauntan dari Habib Bank Plaza, sa-buah bank yang terkemuka di-Pakistan selain Bank of Pakistan.

## RAMAH

Tiap2 perwakilan diuntokkan sa-buah kereta. Kami di-bawa ka-sabuah hotel yang terkemuka disini, Intercontinental Hotel. Jarak hotel ini dari lapangan terbang lebeh kurang tujoh batu. Kami di-tempatkan di-tingkat yang ke-enam. Tiap2 tingkat di-jaga dengan rapi oleh pulis. Semua mereka ramah2, dan pantang bertembong, mereka akan lebeh dulu menguhapkan salam: "Assalamu 'Alaikum".

Jam 3.00 petang hari itu juga, ia-lah masa pendaftaran bagi para perwakilan. Boleh di-katakan, pada hari itu juga para perwakilan daripada 32 buah negara telah sampai kesemua-nya, dan berkumpol di-suatu tempat. Jadi keadaan di-bangunan Intercontinental Hotel, mulai pada hari itu adalah sebok. Pendaftaran berjalanan dengan lanchar dan terator. Pegawai2 yang bertugas nampaknya ada-lah orang2 pilehan yang boleh menguasai banyak bahasa, dan sangat2 mengambil berat kapada semua orang.

Jam 5.40 sembahyang fardhu Asar berjemaah, dan sa-terus-nya Maghrib jam 7.15 dan 'Isha jam 8.45. Jam 9.00 makan malam, yang di-berikan oleh Penasehat kapada Ketua Pentadbir Undang2 bagi hal ehwal ugama, Pakistan, A. K. Brohi. Selesai makan malam, jam 10.00, di-adakan Preliminary General Meeting di-antara para prwakilan.

Pendek-nya hari pertama sampai di-Karachi pada 5hb Julai itu tidak banyak masa yang kosong. Sa-patut-nya kami memerlukan masa rehat satelah hampir 12 jam berada dalam kapal terbang dari Singapura. Tetapi sunggoh pun begitu, kami saperti tidak merasakan penat, dan jauh sekali dari mengalami krisis kesihatan. Saya teringat, bahawa jika niat ikhlas untok menolong Ugama Allah, maka Allah akan menolong kita, dan bahkan juga, Dia (Allah) akan menetapkan pendirian kita.

إن تنصروا الله ينصركم ويثبت أقدامكم

Ini janji Allah, jangan siapa yang meragukannya. Semua orang yang datang ka-Karachi kerana persidangan ini, baik di-sedari atau tidak, ada-lah terlibat sechara langsong untok meninggikan shi'ar Ugama Allah. Mereka akan mendengar atau melihat atau turut berchakap mengenai banyak perkara tentang Islam dan hal ehwal umat Islam: Bagaimana memajukan lagi Ugama Allah ini dan bagaimana semesti-nya martabat umat Islam di-angkat ka-tempat yang semesti-nya melalui bidang2 tertentu saperti pelajaran dan kebudayaan? Ada-kah umat Islam hari ini sedar, betapa peranan Masjid yang sabenar2-nya? Bagaimana dengan pembachaan dan pelajaran Al-Kor'an? Dakawah Islamiah sudah-kah berjalan sebagaimana mesti-nya? Hal ehwal ibadat haji dan orang2 yang menunaikan ibadaat ini ka-Mekah pada setiap tahun? Tentang bahasa Arab sa-bagai bahasa Al-Kor'an dan pengantar ilmu pengetahuan dan ugama. Masa'alah2 belia Islam, penerangan dan sebaran 'am. Kadziah atau masa'alah Baitul Maqdis dan golongan2 minoriti orang Islam di-negara2 di-dunia dan lain2 lagi. Semua ini di-bahas dengan ranchak-nya, di-gali mana2 yang maseh tertimbus, sehingga semua orang tahu dan bahkan juga dunia turut buka mata untok mengetahui-nya.

(BERSAMBONG)



**KELIHATAN** Setiausaha Agong Rabetah Al-'Alam Al-Islami, Al-Sheikh Ali Al-Harakan beruchap di-pembukaan rasmi persidangan tersebut.

# PERTANDINGAN AL-KOR'AN DAN KENDURI ARWAH





DUA orang dari peserta kanak2 yang menyertai peraduan tersebut sedang memperdengarkan bachaan-nya.

SA-RAMAI lebeh 30 orang kanak2 dari anak2 Pusat Latehan Askar Melayu Diraja Brunei telah menyertai pertandingan membacha Al-Kor'an yang di-adakan di-Perkhemahan Bolkiah, Berakas pada malam Isnin, 31hb Julai lepas.

Pertandingan itu telah di-dahului dengan sembahyang berjemaah fardhu Maghrib oleh kira2 300 orang anggota Pusat Latehan AMDB serta jemputan khas di-Dewan Gerak Badan.

Kemudian-nya majlis telah di-teruskan dengan kenduri do'a arwah sa-belum sembahyang jemaah fardhu 'Isha disambong.

Peraduan itu ada-lah merupakan usaha yang pertama kali di-jalankan oleh anggota Pusat Latehan yang di-khususkan bagi anak2 pusat tersebut sahaja.

Satu sharahan khas sempena sambutan Isra' dan Me'raj telah di-sampaikan oleh Pemangku Kadhi Besar Brunei, Awg Hj Abu Bakar bin Hj Tengah di-akhir majlis malam itu.

Keputusan peraduan malam itu bagi bahagian kanak2 'A', lelaki: johan, Mohd Julkhairi bin Sinin; kedua, Aznan bin Julaihi dan ketiga, Bakar bin Rahman.

Bahagian perempuan 'A' pula, johan di-sandang oleh Aisah bte Othman; kedua, Norzah bte Sinin dan ketiga Zuraidah bte Sinin.

Bahagian kanak2 lelaki 'B', johan di-menangi oleh, Azizan bin Pehin Datu Indera Negara Dato Paduka Lt Kol Mohd Ariffin; kedua, Mohd Rashidi Khamis dan ketiga, Jusany bin Jeffery. Manakala kanak2 perempuan 'B', johan, Rosita bte Khamis; kedua, Mimi Hawa bte Pehin Datu Indera Negara Dato Paduka Lt Kol Mohd. Ariffin dan ketiga Suraidah bte Tahamit.



YDM. Pehin Datu Indera Negara Dato Paduka Lt. Kol. Mohd. Ariffin, Pegawai Pemerentah Pusat Latehan Askar Melayu Diraja Brunei kelihatan bersama sa-orang pegawai Pusat Latehan ketika menjalankan temu-duga kapada salah sa-orang penuntut dari Maktab SOAS (J) yang hendak memasokki Pasokan Askar Muda Melayu Diraja Brunei. Pasokan tersebut yang akan memulakan latehan-nya awal tahun depan sa-takat ini telah menerima lebeh 500 permohonan seluroh negeri.





KELIHATAN gambar atas jemputan khas yang di-temani oleh pegawai2 kanan Pusat Latehan AMDB ketika majlis kenduri do'a arwah di-jalankan dan gambar bawah sa-bahagian dari hadhirin yang menyaksikan peraduan membacha Al-Kor'an malam itu.






SATU achara 'Jual Murah yang di-anjorkan oleh Kelab Isteri2 Askar Melayu Diraja Brunei Battalion Kedua telah di-adakan pada hari Sabtu, 29hb Julai lalu bertempat di-Perkhemahan Tutong.

Achara jual murah itu ada-lah bertujuan untok menambah tabong kelab tersebut di-mana berbagai2 achara telah di-jalankan.

Antara achara2 itu termasok-lah, menjual makanan, kueh-mueh, melontar bola, melontar gelang rotan, jualan pakaian, pertunjokan dan jualan hasil kerja-tangan, dan menonggang kuda.

Beratus2 orang isteri dan kanak2 dari pasokan AMDB, Battalion Pertama, Angkatan Laut Pertama, Pusat Latehan dan Battalion Kedua telah mengunjongi achara itu.

GAMBAR2 sebelah kiri dan kanan menunjokkan sa-bahagian dari achara Jual Murah yang di-adakan pada hari itu.



BELIA DAN SOKAN







# LIN NYIT JUARA LUMBA BASIKAL JARAK JAUH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlumbaan basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan telah di-langsongkan pada 30hb Julai lalu. Sa-banyak 80 orang peserta telah mengambil bahagian dalam perlumbaan yang di-bahagikan kapada dua bahagian itu.

Bahagian perseorangan telah di-menangi oleh Awang Lin Nyit Khiong dari Seria dengan mengambil masa sa-lama 3 jam 21 minit 24 saat untok menamatkan perlumbaan sa-jauh 70 batu itu. Tempat kedua ia-lah Brian Hatton dari Kuala Belait dan tempat ketiga di-menangi oleh Awang Sulaiman bin Mohammad Salleh juga dari Seria.

Bahagian berpasokan telah di-menangi oleh Pasokan CHANDERAWASEH yang di-anggotai oleh Osli Haji Md. Noor, Kassim Talib, Musli Ismail dan Karim Bahar. Tempat kedua ia-lah Pasokan Rose Pawana dan Pasokan Mewastra mendapat tempat ketiga. Ketiga2 pasokan itu mewakili Daerah Brunei Muara.

Awang Lin Nyit Khiong telah menerima sa-buah piala dan tiket penerbangan pergi balek ka-Bangkok, sementara Pasokan Chandrawaseh juga menerima sa-buah piala dan empat tiket penerbangan pergi-balek ka-Singapura. Tiket2 penerbangan itu di-sumbangkan oleh Sharikat Penerbangan Diraja Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin. Perlumbaan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Lumba Basikal Brunei, sempena hari Keputeraan Kebawah DYMM ke-32 tahun ini.



KELIHATAN Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin, (gambar atas) sedang menyampaikan piala kapada Awang Lin Nyit Khiong sa-bagai pemenang pertama dalam perlumbaan basikal jarak jauh tahun 1978 ini. Sementara gambar bawah ia-lah pemenang bahagian berpasokan Chanderawaseh yang di-ketuai oleh Awang Osli Haji Md. Noor



## T-Kalat perengkat negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan tarek kalat sa-negeri Kumpolan 'A' telah di-menangi oleh JKR sementara Kumpolan 'B' pula di-menangi oleh AMDB dan pasokan Belait naib johan dan tempat ketiga pasokan Tutong.

Bahagian Ahli2 Jawatan-kuasa di-menangi oleh Temburong. Sa-banyak 8 pasokan telah mengambil bahagian dalam perengkat sa-negeri sa-bagai salah satu achara perayaan hari Keputeraan Kebawah DYMM ke-32 tahun ini. **HADIAH2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan suasana perlawanan tarek kalat pada hari itu (gambar2 kiri).**



KELIHATAN dalam gambar atas, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Negara Lt. Kolonel Awang Mohammad Ariffin bin Haji Abdul Wahab, sedang menyampaikan hadiah kapada wakil pasokan Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara, sa-bagai Naib Johan Hoki antara Sekolah2 Menengah Atas dan Maktab2 seluroh negeri tahun 1978, sementara Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong munchol sa-bagai johan pertandingan tersebut.

# S.M.M. MUDA HASHIM JOHAN HOKI

## Maktab P.S.H.B dan PTE perempuan johan bersama

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah munchol sa-bagai johan hoki (lelaki) sementara bahagian perempuan, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong dan Pusat Tingkatan Enam, Jalan Muara, sa-bagai johan bersama dalam pertandingan akhir hoki yang telah di-langsongkan di-sini baru2 ini. PTE lelaki sa-bagai naib johan dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan kejohanan hoki antara Sekolah2 Menengah Atas dan Maktab2 ini telah di-jalankan sejak bulan Mei lalu sa-chara perengkat2 daerah sa-bagai projek tahunan Jabatan Pelajaran.

Sa-banyak 24 pasokan lelaki dan 24 pasokan perempuan telah mengambil bahagian dalam merebut kejohanan tersebut — dan ini merupakan asas melayakkan diri dan harapan bagi pemain2 hoki kebangsaan Brunei pada masa yang akan datang nanti.

Menurut sa-orang jurchakap Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani bahawa satu pertandingan Ping Pong bagi Sekolah2 Menengah Bawah dan Menengah Atas akan di-jalankan sa-lepas chuti puasa nanti.



**GAMBAR kiri (berbaju hitam dudok) ia-lah pasokan PTE dan berdiri pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong sa-bagai johan hoki lelaki sementara gambar sebelah kanan ia-lah pasokan perempuan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, johan bersama.**





WAKIL peserta kursus, Awang Jaidin bin Kahar sedang menyampaikan uchapan-nya di-majlis penutop kursus, pada hari Khamis lepas.

# KURSUS SIVIK BERI GAMBARAN JELAS MENGENAI RANCHANGAN KEMAJUAN KERAJAAN D.Y.M.M.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Awang Jaidin bin Kahar menyatakan kursus sivik bagi penuntut2 seberang laut kali ketiga itu telah memberi gambaran yang lebeh dekat dan jelas mengenai dengan ranchangan2 kemajuan Kerajaan yang meliputi semua aspek pembangunan di-samping menguatkan lagi semangat kerjasama dan saling memahami di-antara pehak2 berkenaan dalam melaksanakan pembangunan tersebut.

Beliau berkata demikian ketika beruchap bagi mewakili penuntut yang menghadhiri kursus dalam Majlis Penutop yang telah diadakan di-Pusat Belia pada hari Khamis lalu. Majlis penutop itu telah di-laksanakan oleh Ketua Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd Salleh bin Haji Masri.

Kursus sa-lama lima hari itu di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Awang Jaidin menambah bahawa pendekatan serta penjelasan mengenai ranchangan2 kemajuan Kerajaan itu dapat di-laksanakan melalui cheramah2, perbinchangan2 dan perbahasan2 terbuka dengan Ketua2 Jabatan Kerajaan yang sememang-nya ahli dalam lapangan masing2.

Ada-lah wajar thema Kursus Penuntut2 Seberang Laut Kali Ketiga tahun ini yang berbunyi, "Penuntut2 Sa-bagai Pemimpin Hari Esok", jelas-nya.

beliau perchaya Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kali Ketiga itu telah berjaya dan menchapai matalamat-nya, memandangkan sambutan yang begitu hangat serta penyertaan peserta2 kursus yang hadhir di-dalam semua ke-

## Penuntut2 sa-bagai pemimpin hari esok

Menurut-nya lagi penuntut2 sa-bagai pemimpin hari esok memang selayaknya di-berikan gambaran tentang aspek2 pembangunan dan masaalah2-nya; supaya mereka itu akan dapat menyambong usaha2 pembangunan yang telah, sedang dan yang akan dilaksanakan oleh pemimpin2 hari ini demi untok menchapai kemakmoran serta taraf hidup yang lebeh baik.

Pada keselurohan-nya, giatan yang telah di-jalankan itu amat mengalakkan.

Sa-bagai mewakili peserta2 kursus itu, beliau menyatakan penghargaan serta terima kaseh-nya kapada ahli2 Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kechil kursus kerana dapat melaksanakan kursus tersebut dengan lanchar dan berharap kursus sa-rupa itu akan dapat lagi di-anjorkan pada tahun2 yang akan datang demi kebajikan bersama.

## Lawatan ka-BSP dan AMDB

SERIA. — Sa-ramai lebeh 40 orang peserta2 Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut Kali Ketiga telah mengadakan lawatan ka-Padang Minyak sini Khamis lepas. Sa-belum memulakan lawatan ka-Pusat Latehan Teknikal dan Gelanggang Pembenaan Laut, mereka telah di-beri taklimat mengenai dengan perkembangan BSP dan BLNG.

Peserta2 kursus itu juga telah di-berikan penerangan berhubong dengan peluang2 bekerja di-BSP.

Sa-belum itu, peserta kursus telah juga mengadakan lawatan mereka ka-Khemah Askar Melayu Diraja Brunei untok mendengar di-samping menyaksikan perkembangan dan kemajuan AMDB dewasa ini.

GAMBAR bawah kiri menunjokkan sa-bahagian dari penuntut2 itu ketika mendengar cheramah yang di-sampaikan oleh salah sa-orang pegawai kanan dan peserta kursus sedang mendengarkan penerangan sa-tiba mereka di-Pusat Latehan Teknikal Sharikat Minyak Shell Brunei, sa-bagai salah satu achara lawatan mereka ka-Padang Minyak Seria (gambar bawah kanan).



DALAM lawatan mereka ka-Khemah Askar Melayu Diraja Brunei, peserta kursus telah di-berikan penerangan mengenai dengan penggunaan alat2 perhubongan moden AMDB (gambar atas).



Bergambar ramai di-hadapan S.R.C. Seria



KETUA Pegawai Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri, kelihatan sedang menyampaikan sijil kenang2an Kursus Penuntut2 Seberang Laut kali ketiga kapada salah sa-orang peserta kursus.





# GUNAKAN BORANG MAALUMAT P'JAAN YANG BARU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemohon2 untok membaharui Pas2 Kerja telah di-nasehatkan supaya menggunakan Borang Pindaan yang baru.

Pesurohjaya Buroh, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris manyatakan bahawa mulai 1hb Sept., 1978 ini, Borang Maalumat Pekerjaan (BUR 500) yang di-kemukakan kapada Pengawal Imigeresen bagi pengeluaran atau membaharui Pas2 Kerja hendak-lah di-buat dalam Borang Pindaan BUR 500 (R) dan borang yang di-gunakan pada masa ini tidak akan di-pakai lagi.

Sabda-nya borang2 pindaan tersebut boleh di-dapati dari kedai2 buku/alat tulis tempatan.

Pesurohjaya Buroh itu juga mengingatkan kapada pemohon bahawa permohonan bagi mengeluarkan atau membaharui Pas2 Kerja tidak akan di-sokong jika:

★Permohonan di-buat dalam borang yang lama sa-lepas 31hb Ogos, 1978;

★Jawatan yang akan di-isikan oleh pekerja asing tidak di-lindongi oleh kebenaran dari Pesurohjaya Buroh;

★Borang Permohonan tidak lengkap saperti yang di-kehendaki;

★Borang yang tidak lengkap;

★Permohonan yang tidak di-sertakan gambar atau salinan bergambar sijil atau surat keterangan dan

★Permohonan tidak di-tandatangani oleh pemohon (majikan) atau orang yang di-berikuasa.

# Hadhiri persidangan di-H.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai sembilan orang ahli Persatuan Pengakap Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Penolong Pesurohjaya Pengakap, Pg Haji Sani bin Pg Ahmad di-jadualkan berlepas ka-Hong Kong petang ini untok menghadhiri Persidangan Pengakap Asia Pasifik yang akan berlangsong di-tanah jajahan itu.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, yang juga menjadi Pesurohjaya Kehormat Persatuan Pengakap Negeri Brunei juga di-jadualkan menyertai persidangan tersebut.

Persidangan kali ke-11 itu di-anjorkan oleh Biro Pengakap Sa-dunia dan di-selenggarakan oleh Persatuan Pengakap Hong Kong. Sa-banyak 23 buah negara dari rantau Asia Pasifik di-jadualkan menghadhiri persidangan tersebut.

Ranchangan permodalan, Latehan Pimpinan yang berkesan dan ranchangan jangka panjang ada-lah merupakan tiga kertas kerja yang akan menjadi bahan perbinchangan dalam persidangan itu nanti.

Ini ada-lah merupakan kali kedua Persatuan Pengakap Brunei menghantar perwakilan-nya ka-persidangan tersebut. Kali pertama Brunei menghadhiri persidangan itu ia-lah dalam tahun 1974 yang telah di-adakan di-Republik Singapura.

Dari muka 1

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa sa-bagai orang Islam yang benar2 yakin kapada ugama-nya sewajar-nya-lah mensifatkan serta mengamalkan seberapa yang terdaya akan Islam itu sa-bagai yang meliputi semua aspek2 kehidupan kita.

"Tidak ada terdapat sesuatu pengechualian yang tidak di-liputi oleh chorak kehidupan Islam yang mana termasok-lah tugas2 awang2 semua sa-bagai anggota Askar Melayu Diraja Brunei", kata Yang Berhormat itu lagi.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan sa-terus-nya mengeshorkan supaya kita orang2 Islam wajib perchaya akan kejayaan dalam hidup dan pekerjaan kita yang hanya boleh di-chapai dengan sa-baik2-nya melalui ketakwaan dan ketaatan kapada hukum2 yang telah di-tetapkan.

Bagaimana pun dalam kehidupan dunia sekarang, jelas Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, banyak pengaroh yang dapat menggoda kita yang pada mata kasar pengaroh2 itu bertentangan dengan hukum Islam yang sa-olah2 merupakan satu penipuan shaitan.

"Dan jika kita tidak awas2 itu-lah yang akan membawakan kehanchoran bukan sahaja kapada diri kita sendiri bahkan juga kapada masharakat yang sangat2 kita chintai itu", Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menjelaskan.



GAMBAR atas menunjokkan empat orang kakitangan Jabatan Perchetakan Kerajaan yang telah berlepas untok menjalani berbagai kursus kemahiran di-seberang laut.

Penolong Penchetak Kerajaan, Awang Ali bin Haji Hassan (No. 2 dari kanan) akan menjalani kursus kemahiran dalam hal ehwal perchetakan di-empat buah negeri di-Eropah sa-lama empat bulan.

Sementara tiga orang yang lain-nya Awang Md Yusof bin Abdul Rahman, Awang Md Daud bin Metassan dan Pg Mohammad bin Pg Tajuddin (kanan sekali) akan mengikuti kursus di-Times Printers Singapura. Ketiga2 orang itu akan menjalani kursus sa-lama enam bulan.

Di-tengah2 ia-lah Penchetak Kerajaan, Awang S. M. Buse yang telah turut menguchapkan selamat belayar di-lapangan terbang pada hari Rabu yang lalu.

# Jadual menyembor ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN.—Jabatan Perubatan dan Kesihatan akan menjalankan penyemboran ubat DDT di-buah kampong di-Daerah Tutong dalam bulan ini. Gerakan menyembor yang bermula pada hari ini akan berakhir pada 29hb Ogos.

Menurut jadual yang telah di-susun, rombongan penyembor itu akan berada di-Kampong Batang Mitus pada hari ini 9hb Ogos; pada 10hb di-Mungkom; 12hb di-Kampong Bebuloh; 14hb di-Kampong Menengah; 15hb di-Kampong Bukit Sulang; 16hb di-Kampong Layong; 17hb di-Kampong Tanjong Dangar; 19hb di-Kampong Batang Belulop; 22hb di-Kampong Panchong Layong; 23hb di-Kampong Pk. Pitan; 24hb di-Kampong Benutan; 26hb di-Kampong Tg. Ungar; 28hb di-Kampong Batang Pitan dan 29hb di-Kampong Pelajau dan Keranching.

Sementara itu jabatan itu juga akan menjalankan penyelidekan penyakit malaria di-Daerah2 Brunei/Muara.

Rombongan tersebut akan menjalankan penyelidekan di-Kampong Masin pada 10hb dan Panchor Murai dan Imang pada 12hb Ogos.

# Ramai lagi rekrut Pulis di-kehendaki

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pasokan Pulis Diraja Brunei menghadaki pemuda2 untok di-ambil berkhidmat dengan pasokan itu sa-bagai anggota pulis.

Pemohon2 yang berjaya akan menjalani latehan asas sa-bagai rekrut sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Pulis Jalan Muara dalam pertengahan bulan September depan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, maseh bujang atau pun sudah beristeri dan berumor di-antara 18 hingga 28 tahun. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi dan berbadan sehat. Kelulusan maksima yang di-kehendaki untok memasoki perkhidmatan itu ia-lah lulus Darjah VI Melayu atau Inggeris.

Gaji permulaan sa-bagai rekrut ia-lah sa-banyak $325.00 sa-bulan dan di-tambah $100.00 sa-bagai alaon. Sa-telah menamatkan latehan asas, gaji dan alaon akan di-naikkan kapada $525.00 sa-bulan.

Pemohon2 hendak-lah menghadhiri temuduga yang akan di-jalankan oleh Pegawai Pengambilan di-tempat2 dan tarikh2 saperti di-bawah.

Di-Balai Pulis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin, 14hb Ogos, mulai jam 8.00 pagi dan 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Tutong pada hari Selasa, 15hb Ogos mulai jam 9.00 pagi dan di-Balai Pulis Lamunin pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

Di-Balai Pulis Kuala Belait pada hari Rabu 16hb Ogos mulai jam 9.00 pagi dan di-Balai Pulis Seria pada hari yang sama mulai jam 2.00 petang.

Rombongan pengambilan itu akan berada di-Balai Pulis Temburong pada hari Khamis 17hb Ogos pada jam 9.00 pagi dan 2.00 petang.

Dari muka 1

Dalam pada itu menurut Mazhab Hanafi bahawa adalah sah mengeluarkan zakat fitrah dengan nilai mata wang.

Oleh kerana harga beras yang biasa di-makan di-negeri ini di-tetapkan oleh Kerajaan dengan harga $3.00 sa-gantang bagi Daerah Brunei; $3.05 sa-gantang di-Daerah Tutong dan Muara dan $3.10 sa-gantang di-Daerah2 Belait dan Temburong, maka nilaian harga bagi 3 kati 12 tahil di-Daerah Brunei ia-lah $1.87½; Tutong dan Muara $1.90⅝ dan Belait dan Temburong $1.93¾.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain menyatakan bahawa tiap2 umat Islam di-negeri ini boleh membayar zakat fitrah samada dengan mengeluarkan beras sa-banyak 3 *kati* 12 tahil atau boleh *bertaklid* Mazhab Hanafi dengan mengeluarkan nilaian harga 3 kati 12 tahil.

Kata-nya orang Islam adalah di-ingatkan bahawa zakat fitrah wajib di-bayar mulai malam hari raya hingga Imam mendirikan sembahyang hari raya.

Dalam pada itu, tambah Yang Berhormat, ada-lah harus zakat fitrah itu di-keluarkan sa-belum waktu tersebut ia-itu dari awal Ramadhan.

Sementara itu Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah melantek sa-ramai 143 orang Amil di-seluroh negeri untok di-tugaskan mengutip bayaran zakat fitrah bagi tahun ini. Nama2 Amil dan tempat2 membayar zakat fitrah bagi tahun ini di-siarkan di-muka 7, 8 dan 13.

# Jangan letak kereta di-tempat ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Awang Chuchu bin Panglima Asgar Dato Haji Abdullah mengingatkan pemilek2 dan pemandu2 kenderaan supaya jangan meletakkan kereta mereka di-tempat letak kereta bermusim yang bukan kepunyaan mereka.

Kata-nya, menurut Peratoran 3(3) dari Peratoran Tempat Letak Kereta Lembaga Bandaran, 1972 mensharatkan bahawa "Tiada sa-siapa pun boleh meletakkan sebarang kereta bermotor di-dalam sa-suatu tempat letak kereta musim, kechuali dengan dan menurut sharat2 yang di-keluarkan oleh Lembaga bagi kereta bermotor tersebut".

Beliau berkata dalam masa kebelakangan ini banyak pemandu yang telah di-saman dan di-hadapkan ka-mahkamah kerana melanggar peratoran ini.

Dalam tempoh enam bulan ia-itu dari bulan Januari hingga Jun tahun ini, sa-banyak 93 kes pelanggaran sa-umpama ini telah di-bawa ka-mahkamah.

Dari itu, Awang Chuchu sekali lagi mengingatkan kapada orang ramai, khas-nya pemandu2 supaya mematohi peratoran ini.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.